



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN NEGARA

*Senate*

PARLIMEN KELAPAN  
*Eighth Parliament*

PENGGAL KEEMPAT  
*Fourth Session*

---

**Jilid IV      Bil. 6      Hari Selasa      17hb Mei, 1994**

---

#### KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

#### RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1994 (Ruangan 40)**

**Rang Undang-undang Pilihanraya (Pindaan) 1994 (Ruangan 101)**

**Rang Undang-undang Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1994 (Ruangan 103)**

**Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1994 (Ruangan 105)**

#### USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan 113)**



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**Selasa, 17hb Mei, 1994**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PERKHIDMATAN PENDIDIKAN - SISTEM SARAAN BARU (SSB)**

**1. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk mengguna pakai Skim Saraan Baru (SSB) kepada perkhidmatan pendidikan untuk membolehkan guru-guru mendapat faedah bonus sama seperti mereka yang berkhidmat di Kementerian-kementerian lain. Jika ya, bila. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan pendidikan memang menerima pakai Skim Sistem Saraan Baru yang berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1992. Justeru itu anggota Perkhidmatan Pendidikan telah dibayar bonus tahunan bagi tahun 1993 iaitu sama seperti yang diterima oleh anggota perkhidmatan awam yang lain. Manakala bagi mereka yang mendapat pergerakan gaji tahunan secara melintang atau menegak dan menerima anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah juga dibayar bonus iaitu bersamaan sebulan atau setengah bulan gaji dan cuti tanpa rekod selama 7 hari.

**SEPAK TAKRAW - KELEMAHAN JENTERA PERMAINAN**

2. **Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sebab-sebab kelemahan jentera permainan sepak takraw iaitu permainan warisan bangsa Melayu di akhir-akhir ini kalau dibandingkan dengan gerakan di masa lampau yang telah pernah menganjurkan pertandingan antarabangsa. Apa jadi dengan Persatuan Sepak Takraw Negeri-negeri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]:** Tuan Yang di-Pertua, permainan sepak takraw adalah merupakan satu sukan yang popular dari peringkat akar umbi hinggalah ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Malahan sukan sepak takraw ini sentiasa dapat menarik penyertaan ramai di peringkat kampung, mukim dan daerah.

Mengikut pemerhatian dan maklum balas yang diterima daripada berbagai pihak mengenai dengan sukan sepak takraw, tidak dinafikan bahawa dari segi prestasinya kebelakangan ini menghadapi masalah terutamanya dari aspek pengurusan dan kepimpinan persatuan berkenaan di peringkat negeri dan juga kebangsaan. Di antara faktor-faktor utama yang menyebabkan kelemahan prestasi sukan sepak takraw dapat disimpulkan seperti berikut:-

- (i) pengurusan persatuan yang tidak cekap;
- (ii) krisis kepimpinan dalam persatuan;
- (iii) percanggahan pendapat di kalangan pegawai, jurulatih, pemimpin dan pemain;
- (iv) kurangnya perancangan program jangka panjang sukan sepak takraw.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Sepak Takraw peringkat kebangsaan dan negeri sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini dan usaha-usaha untuk memantapkan pengurusan dan kepimpinan persatuan di negeri, daerah dan kebangsaan telah pun diambil tindakan. Di antara program-program yang telah diatur oleh persatuan sepak takraw di peringkat kebangsaan ialah telah melaksanakan Grand Prix Sepak Takraw Kebangsaan dan akan menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw Piala Dunia.

Sementara itu Kementerian Belia dan Sukan sedang menyusun Program Rakan Sukan dengan pihak swasta dan sepak takraw telah dimasukkan ke dalam program ini di mana ianya akan dilaksanakan dari peringkat nasional hinggalah ke peringkat terbawah sekali iaitu negeri, daerah dan mukim. Semoga program dan usaha-usaha yang dibuat itu akan dapat meningkatkan prestasi dan imej sukan sepak takraw yang merupakan satu-satunya permainan warisan bangsa Melayu yang memangnya telah terkenal di masa-masa lampau yang telah pernah menganjurkan pertandingan hingga ke peringkat antarabangsa.

**Dato' Zainol Abidin bin Johari:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah masalah kewangan menjadi pokok utama kepada kegiatan atau kemajuan pertandingan sepak takraw ini? Dan tidakkah ada mana-mana pemimpin negara yang sudi dengan secara sukarela menjadi Presiden Persatuan Sepak Takraw ini seperti mana yang

terdapat dalam pertandingan-pertandingan lain, kerana trend hari ini dia melihat siapa yang memimpin pertubuhan tersebut. Umpamanya macam badminton, wanita pertama negara ini Yang Amat Berbahagia Datin Seri tampil ke depan maka sokongan duit-ringgit dicurah ke situ. Tetapi bagi sepak takraw satu-satunya permainan warisan bangsa Melayu yang tidak pun ada minat daripada pemimpin-pemimpin atasan yang mahu secara sukarela menjadi Presiden kepada pertubuhan ini dan menaikkan imej permainan budaya bangsa ini kalau kita bandingkan dengan permainan basket ball yang menjadi warisan kepada kaum Cina.

**Dato' Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, hendak mengatakan bahawa tidak ada pemimpin negara yang terkenal yang telah tampil ke hadapan untuk memimpin persatuan sepak takraw di peringkat kebangsaan ini adalah tidak tepat. Saya percaya Yang Berhormat pernah mengenali orang ini yang telah memimpin persatuan sepak takraw di peringkat kebangsaan.

Mengenai soalan Yang Berhormat yang pertama, memang benar masalah kewangan adalah merupakan salah satu daripada punca kelemahan prestasi sepak takraw. Sebab itulah pihak Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha-usaha untuk mengatasi masalah ini kita memperkenalkan Program Rakan Sukan di mana kita menjemput pihak swasta untuk menyertai sama program ini dan kita minta mereka memberi sumbangan tahunan dalam program sukan yang akan kita adakan di masa-masa yang akan datang.

## TANAMAN KELAPA SAWIT DAN GETAH - MODAL DAN KEUNTUNGAN

**3. Puan Hajah Bahmah binti Salleh** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mana lebih besar keuntungan di antara tanaman kelapa sawit dengan tanaman getah dan di antara keduanya ini mana lebih banyak melibatkan modal.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, keuntungan sesuatu tanaman komoditi itu sama ada kelapa sawit mahupun getah adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti harga pasaran iaitu bergantung kepada penawaran dan permintaan bagi komoditi tersebut, kos serta produktiviti pengeluaran iaitu bergantung kepada tenaga buruh, keadaan agronomi, iklim dan kawasan tempatan tanaman tersebut. Dalam keadaan pasaran sekarang, tanaman kelapa sawit adalah lebih besar keuntungannya. Industri kelapa sawit adalah berintensif modal (capital intensive) dan melibatkan modal yang lebih banyak.

**Puan Hajah Rahmah binti Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu di antara kedua-dua perusahaan ini yang mana satu lebih banyak menggunakan tenaga khususnya tenaga manusia, dan tidakkah Kementerian ini berhasrat untuk memberi ganjaran yang lebih sedikit daripada apa yang telah didapatinya di setiap bulan kerana apa yang kita, tahu bahawa kedua-dua perusahaan ini adalah lebih banyak menggunakan tenaga manusia?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, kedua-duanya memerlukan penggunaan tenaga manusia yang banyak. Tetapi walau bagaimanapun, kelapa sawit agak lebih tidak membebankan kerana kerja-kerja kontrak untuk pemetikan buah dan sebagainya boleh dilakukan tetapi torehan getah begitu sukar dan pada masa ini Kementerian saya sedang mengkaji suatu alternatif untuk penorehan dengan menggunakan alat atau teknik moden. Walau bagaimanapun, oleh kerana kedua-dua tanaman tersebut adalah merupakan tanaman komersil, maka tidak mungkin bantuan-bantuan dapat diberi oleh pihak Kerajaan.



**Tuan Ho Cheng Wang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah subsidi-subsidi diberikan kepada pekebun di kedua-dua bidang perusahaan ini? Jikalau ada, mana satu yang lebih tinggi menerima subsidi dan apa bezanya?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini cuma tanaman semula getah sahaja yang diberi bantuan tanaman getah menerusi RISDA tetapi tanaman semula kelapa sawit tidak diberi apa-apa bantuan. Namun demikian, Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan-kemungkinan untuk skim tanam semula kalau difikirkan perlu.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat katakan bahawa kedua-dua industri ini menggunakan banyak tenaga manusia. Sehubungan dengan ini, saya ingin bertanya adakah Kerajaan menggalakkan pihak saintis kita dan mereka yang boleh mereka 'robot', dengan izin, untuk mengambil alih tenaga-tenaga manusia memandangkan juga bahawa ramai tenaga manusia atau labour force, dengan izin, yang digunakan dalam kelapa sawit misalnya, adalah terdiri dari orang-orang asing?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bahawa memang pada masa ini kedua-dua institut kajian, umpamanya PORIM sedang mengkaji

alat-alat mekanikal untuk mengambil buah, memotong buah dan seterusnya mengangkat buah ke kilang-kilang dan RRIM pula sedang mengkaji sistem torehan dengan menggunakan teknologi moden dengan menggunakan alat-alat terbilang. Mungkin kita tidak mampu untuk mereka robot dan sebagainya kerana robot ini kosnya tinggi dan pulangan hasil daripada ladang ini tidak begitu menguntungkan.

**Tuan Tang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Zainal bin Md. Deros.

**Tuan Haji Dol bin Dollah:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.4.

#### AJARAN SESAT - PENONJOLAN PEMIMPIN

**4. Tuan Haji Dol bin Dollah [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah pemimpin ajaran sesat dalam agama-agama yang terbesar di Malaysia dan nyatakan sebab-sebab mereka menjadi sesat dan pelampau; dan
- (b) adakah benar peraimpin sebuah ajaran yang mengagungkan pemimpin tnereka sehingga gambar-gambar pemimpin ini dilekatkan di kereta-kereta ahli mereka supaya masyarakat mengenali beliau dan apakah Kementerian akan memujuk manusia suci ini balik ke Malaysia untuk bertaubat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) setakat ini pihak Kerajaan telah dapat mengesan sebanyak 5 kumpulan ajaran sesat yang bergerak secara aktif. Daripada kajian yang dibuat, antara sebab-sebab berlakunya kesesatan ini ialah kerana:
  - (i) ketiadaan asas agama yang mencukupi;
  - (ii) ingin mencari jalan yang ringkas untuk ke syurga;
  - (iii) kerana kepentingan diri sama ada dari segi seks atau kebendaan.
  - (iv) pengaruh ilmu tariqat yang berkaitan dengan ilmu kebatinan atau kekebalan;

- (v) keinginan untuk memerintah negara ini di luar peruntukan undang-undang kerana tidak bersetuju dengan sistem pemerintahan yang ada sekarang.

Kumpulan seumpama ini akan bertukar menjadi pelampau apabila ianya dapat mempengaruhi dan mendapat simpati masyarakat ramai dan mempunyai ramai pengikutnya.

- (b) Pihak Kerajaan sedar tentang adanya satu kumpulan ajaran agama yang cuba menonjolkan pimpinan mereka melalui gambar-gambar yang dilekatkan pada poster-poster dan juga melalui buku, majalan dan lain-lain penerbitan mereka. Perbuatan ini adalah sebagai satu usaha propaganda ke arah menaikkan imej pemimpinnya dan juga kumpulan tersebut apabila mereka tidak mendapat sambutan daripada orang ramai.

Undang-undang memberi kebebasan kepada sesiapa sahaja untuk pergi atau tinggal di mana sahaja. Oleh itu soal memujuk mana-mana orang untuk kembali bertaubat tidak timbul. Bagaimanapun, pihak Kerajaan akan terus mengawasi kegiatan kumpulan berkenaan dan akan mengambil tindakan tegas sekiranya kegiatan kumpulan tersebut boleh membawa kepada ancaman keselamatan dan ketenteraman awam.

**KERETA SEWA - KAJIAN SEMULA HAD UMUR**

**5. Tuan Shahirudin bin Abdul Moin** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau akan mengkaji semula umur kereta-kereta yang digunakan oleh kereta sewa supaya dipanjangkan dari cadang umur yang ditetapkan.

**Timbalan Hentri Perusahaan Awam [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, persoalan Kementerian Perusahaan Awam mengkaji semula umur kereta-kereta yang digunakan sebagai kereta sewa supaya dipanjangkan dari cadangan umur yang ditetapkan tidak timbul. Ini oleh kerana dasar had umur tujuh tahun yang dimaksudkan itu hanya digunakan ke atas kereta-kereta yang digunakan sebagai teksi dalam kawasan Lembah Kelang. Kereta sewa dan teksi adalah dua klasifikasi kenderaan perkhidmatan awam yang berlainan mengikut Seksyen 14(1) Akta LPKP 1987.

**PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK - BILANGAN**

**6. Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilangan pusat penjagaan kanak-kanak yang dikendalikan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan sama ada terdapat pusat-pusat tersebut di bandar-bandar; dan
- (b) apakah program dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memupuk masyarakat penyayang dan memperkukuhkan semangat perpaduan rakyat berbilang kaum di negara kita.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Alexander Yu Lung Lee]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tidak mengendalikan Pusat Penjagaan Kanak-kanak. Akta TASKA 1984 dan Peraturan Akta TASKA 1985 memberi kuasa untuk mendaftar, mengawal dan memeriksa Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA).

- (b) Langkah-langkah Kementerian untuk memupuk masyarakat penyayang dan memperkukuhkan lagi semangat perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini, beberapa program-program dan aktiviti-aktiviti telah diadakan yang meliputi kumpulan sasar dari peringkat kanak-kanak pra sekolah hingga ke peringkat masyarakat umum. Untuk makluman Yang Berhormat, segala program dan aktiviti yang dijalankan melalui Jabatan Perpaduan Negara adalah sebagai usaha untuk membolehkan pelbagai kaum di negara kita berinteraksi dan seterusnya memahami dan menghayati nilai-nilai sepunya untuk memperkukuhkan lagi semangat perpaduan rakyat di negara ini. Program-program ini mencakupi keseluruhan nilai-nilai positif seperti toleransi, setia, bekerjasama, amanah, jujur, berdisiplin, berdikari, hormat menghormati, kesederhanaan dan sebagainya.

Jabatan Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dari masa ke samasa akan menilai keberkesanan program-program yang telah dijalankan bagi memastikan aktiviti-aktiviti tersebut dapat memupuk dan memperkukuhkan perpaduan.

#### PROGRAM PENCEGAHAN PENYAKIT

7. **Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan program meningkatkan usaha-usaha mencegah penyakit dan meningkatkan mutu kesihatan rakyat dari masa ke semasa.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Mohamed Farid bin Ariffin]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah pun mengadakan program pencegahan penyakit yang dijalankan selari dengan program pengubatan kuratif sejak ianya mula ditubuhkan. Program ini pula sentiasa dikaji dari masa ke semasa dan usaha-usaha mencegah penyakit dipertingkatkan demi menjamin mutu kesihatan rakyat.

Ini terbukti dengan tumpuan yang diberikan oleh Kementerian ini kepada penyakit-penyakit yang berhubung kait dengan gaya hidup yang didapati kian meningkat kebelakangan ini. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan telah melancarkan Kempen Cara Hidup Sihat sejak tahun 1991 bagi meningkatkan kesedaran rakyat terhadap penyakit-penyakit yang berkaitan dengan gaya hidup.

Melalui kempen ini, penumpuan khusus bagi salah satu tema kesihatan akan dilakukan bagi setiap tahun dan segala aktiviti berkaitan dengan pencegahan penyakit bagi tema-tema kesihatan tersebut akan ditingkatkan.

Tema-tema kesihatan bagi Kempen Cara Hidup Sihat mengikut tahun adalah seperti berikut:

- Tahun 1991 - Penyakit Kardiovaskular
- Tahun 1992 - Penyakit AIDS
- Tahun 1993 - Kebersihan Makanan
- Tahun 1994 - Promosi Kesihatan Kanak-kanak
- Tahun 1995 - Penyakit Kanser
- Tahun 1996 - Penyakit Kencing Manis
- Tahun 1997 - Tema akan ditetapkan kemudian.  
dan seterusnya

**HAD BERSARA KAKITANGAN KEMAS**

**8. Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sama ada kakitangan KEMAS dihadkan umur untuk bersara iaitu Penyelia-penyelia dan Pemaju-pemaju Masyarakat dan apakah Kerajaan tidak bercadang melanjutkan had umur mereka iaitu selagi mereka sihat walaupun usianya sudah melebihi 55 tahun.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato Mohamed bin Jamrah]:** Tuan Yang di-Pertua, had umur wajib tamat perkhidmatan bagi Kerajaan ialah 55 tahun dan ini meliputi juga kepada Penyelia-penyelia dan Pemaju Masyarakat sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Skim Perkhidmatan Penyelia dan Pemaju Masyarakat. Walau bagaimanapun, perlantikan semula pegawai yang telah mencapai umur 55 tahun adalah terpulang kepada budibicara Kerajaan atas kepentingan perkhidmatan seseorang itu.

**Tuan Haji Shuib bin Shawal:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dasar persaraan had umur 55 tahun kepada Penyelia-penyelia dan Pemaju Masyarakat KEMAS terutama sekali dalam Bahagian Agama Islam telah menyebabkan kekurangan guru yang begitu ketara di seluruh negara. Dan setengah-setengah daerah hampir tiada lagi tenaga-tenaga pengajar. Oleh yang demikian, apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kedudukan ini dan bagaimana pula dengan pengambilan guru-guru baru?

**Dato Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat berkenaan dengan Pemaju Masyarakat Agama, had umurnya boleh ditingkatkan melebihi daripada 55 tahun mengikut keperluan kawasan yang berkenaan.

**Dato' Zainol Abidin bin Johari:** Tuan Yang di-Pertua, adakah kakitangan KEMAS khususnya Penyelia-penyelia ini mempunyai syarat perkhidmatan ataupun, dengan izin, scheme of service, kerana saya dapat banyak Penyelia-penyelia selepas tamat perkhidmatan merana tetapi tak adalah yang kebulur ataupun mengemis. Tetapi nampaknya hidup mereka susah kerana tidak ada skim pencen. Jadi, adakah Kerajaan mempunyai skim yang khusus untuk kakitangan KEMAS ini khususnya Penyelia-penyelia KEMAS?

**Dato Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, skim perkhidmatan KEMAS ialah mengikut kontrak dan sehingga hari ini Kerajaan tidak ada lagi rancangan untuk mengadakan skim pencen bagi mereka.

**Tuan Saidin bin Hohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah terdapat negeri-negeri yang tidak dapat memenuhi kuota Pemaju Masyarakat (PM) Agama?

**Dato Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita masih meneruskan khidmat PM-PM Agama yang lebih daripada 55 tahun mengikut yang diperlukan oleh kawasah-kawasan yang tertentu. Jadi, selalunya kuota-kuota itu diisi bagi tiap-tiap negeri.



**PENGARUH AMERIKA SYARIKAT DALAM APEC - KESAN EKONOMI  
TERHADAP NEGARA MEMBANGUN**

**9.** Tuan **Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada pengaruh Amerika Syarikat di dalam APEC (Asia Pacific Economic Council) Majlis Ekonomi Pasifik akan menggugat pertumbuhan ekonomi negara membangun seperti Malaysia dan negara-negara ASEAN lain, dan jika ya, apakah tindakan Malaysia untuk mengatasi ancaman perdagangan dari negara maju yang tidak senang hati terhadap kemajuan ekonomi Malaysia.

**Menteri Luar Negeri [Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:**

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita tidak berpendapat bahawa pengaruh Amerika Syarikat boleh menggugat negara-negara membangun seperti Malaysia yang menyertai APEC. Ini adalah kerana keputusan yang dibuat dalam APEC adalah berasaskan kepada "consensus", maknanya Amerika tidak bolehlah membuat keputusan secara bersendirian. Walaupun begitu, kita mengakuilah memang ada masanya Amerika mengemukakan inisiatif yang agak kuat seperti Presiden Clinton dahulu hendak mengadakan Persidangan Ketua-ketua Negara APEC. Maka itu satu inisiatif yang kuat, sebabnya saya katakan kuat kerana selepas ini pula mesyuarat yang sama akan diadakan di Jakarta.

Jadi, Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain khususnya, kita memanglah mengambil pendirian dan sentiasa prihatin untuk menjaga bahawa kepentingan negara-negara membangun dalam APEC itu tidak tergugat dan dalam hal ini Kerajaan Malaysia telah pun membuat keputusan bahawa kita perlu giat - memainkan peranan yang aktif

dalam APEC supaya dengan peranan yang aktif itu kita dapat sama-sama dengan negara lain menjaga kepentingan negara-negara membangun dalam kerjasama APEC itu.

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu setakat ini ada atau tidak apa jua rancangan ekonomi kerjasama yang substantive yang telah dicadangkan atau ditimbulkan oleh APEC ataupun yang telah diluluskan oleh APEC dan akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, kerjasama dalam APEC memang ada hubungkait dengan hal yang berkaitan dengan meningkatkan hubungan kerjasama ekonomi. Dan ada juga yang ada hubungkait dengan pembangunan tenaga manusia (human resource development), semua ini adalah dalam peringkat pelaksanaan pada waktu ini.

#### PENINGKATAN MUTU SUKAN DI SABAH

**10. Tuan Limun Laikim** minta Mentert Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mempertingkatkan mutu sukan di Sabah, khasnya bolasepak di mana jika ianya diberi bimbingan yang sesuai sudah tentu ramai pemain bolasepak Sabah akan maju dan seterusnya akan bermain di dalam Liga Perdana.

**Dato' Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mempertingkatkan mutu sukan di Sabah, khususnya bolasepak adalah seperti berikut:-

(a) **Melancarkan Program Rakan Sukan -**

Program ini adalah merupakan satu program yang menggabungkan tiga pihak iaitu Kerajaan, Persatuan Sukan Kebangsaan dan pihak swasta. Melalui program ini penekanan yang serius akan diberikan kepada pembangunan sukan di peringkat daerah sebagai asas penyungkilan atlit-atlit berpotensi yang bakal mewakili negara. Penyertaan yang ramai akan dititikberatkan untuk membuka ruang yang lebih luas bagi pemilihan atlit yang berbakat. Justeru itu pentadbiran akan diperkukuhkan dan intrastruktur latihan akan diperbaiki supaya atlit-atlit berbakat dapat menerima kemudahan yang selesa serta bersinambungan. Keseluruhan tenaga akan digemblengkan supaya penyertaan akan menjadi lebih meriah dan mutu sukan di semua peringkat dapat dipertingkatkan. Sukan bolasepak telah dikenal pasti sebagai salah satu sukan yang akan diberi penekanan di bawah Program Rakan Sukan. Program ini akan dilancarkan pada 1 Ogos 1994 ini.

(b) **Memperkenalkan Program Tunas Cemerlang -**

Program ini adalah merupakan satu program yang bersepadu di antara Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri yang berkenaan. Objektif program ini adalah untuk mengenal pasti bakat sukan di

kalangan pelajar-pelajar bagi dipertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi, memastikan kesinambungan latihan dan pendedahan atlit, mempertingkatkan kelengkapan dan kemudahan sukan di sekolah-sekolah di samping menyediakan asas penyertaan yang luas dan pembinaan kemahiran individu. Atlit-atlit yang dipilih adalah di antara umur 12 hingga 14 tahun dan mereka ditempatkan di sekolah-sekolah yang dipilih dan pusat latihan ini akan disediakan dengan kemudahan peralatan dan kepakaran bagi membolehkan mereka mengikuti latihan yang berkualiti sepanjang tahun. Ini juga selaras dengan tujuan program berkenaan di mana atlit dan jurulatih berada di bawah satu bumbung. Sebanyak enam jenis sukan telah dipilih di bawah program ini iaitu bola sepak, tennis, badminton, olahraga, sepak takraw dan hoki.

Dalam tahun 1993 sebanyak 122 buah sekolah digunakan sebagai pusat latihan yang melibatkan seramai 2,247 atlit dan 243 jurulatih yang dilantik untuk enam jenis sukan yang telah dikenal pasti di seluruh negara. Hampir 100% skuad bolasepak negara di bawah umur 16 tahun adalah terdiri daripada atlit-atlit Tunas Cemerlang. Untuk Negeri Sabah khususnya sebanyak dua buah sekolah dijadikan sebagai pusat latihan yang melibatkan seramai 60 atlit dan 4 jurulatih bagi melaksanakan program Tunas Cemerlang untuk sukan bola-

sepak. Pusat-pusat latihan bolasepak adalah di Sekolah Menengah Kebangsaan Gungsanaa di Keningau dan Sekolah Menengah Kebangsaan Arshad di Kota Belud.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ramai orang memperkatakan soal kelemahan - tadi soal sepak takraw, sekarang ini soal bolasepak. Sebenarnya itu bukanlah satu daripada kelemahan tetapi ramai di kalangan kita berkehendakkan supaya belia ini lebih aktif lagi. Dengan itu saya ingin mengemukakan satu soalan, adakah Kementerian menyelaraskan langkah-langkah bagi membawa bekas-bekas pemimpin belia untuk membantu pertubuhan belia supaya lebih manfaat kepada negara? Penglibatan penaung dan penasihat-penasihat sejauh ini tidak menonjolkan apa-apa sumbangan terhadap pergerakan belia.

**Dato' Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ada di depan kita ialah mengenai sukan. Walau macam manapun, oleh kerana AhliYang Berhormat menanyakan mengenai masalah belia, sukacita saya menyatakan bahawa adalah usaha-usaha Kementerian hari ini untuk mcrangkakan satu program yang lebih konkrit dan komprehensif bagi menangani masalah lepak khususnya. Pihak Kementerian telah pun memanggil bekas-bekas pemimpin belia di semua peringkat untuk bersama-sama berbincang dengan Kementerian untuk mendapatkan pandangan masing-masing bagaimana kita hendak menangani masalah belia dan remaja pada hari ini yang kita kira jika sekiranya kita biarkan berlarutan, dia akan menjejaskan ataupun membantut pembentukan satu generasi yang berwibawa kelak.

**Dato' Zainol Abidin bin Johari:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin membangkitkan soal belia lepak, kerana orang tua pun ada lepak tetapi tempatnya sahaja berbeza. Cuma yang saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang membawa pemain sepak takraw ke Sabah dan perancangan-perancangan yang disebutkan oleh Kementerian tadi adakah ia merangkumi permainan sepak takraw di Sabah?

**Dato' Ismail bin Said:** Kementerian juga memang berhasrat untuk membawa semua peringkat, semua negeri di bawah program Rakan Sukan sebagaimana yang saya perkatakan sebentar tadi.

#### BEKAS PERAJURIT - JUMLAH TERLIBAT DALAM JENAYAH

**11. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa ramai. bekas-bekas perajurit yang terlibat dalam jenayah seperti:-

- (a) mencuri;
- (b) merompak;
- (c) merogol;
- (d) pecah amanah

sejak tahun 1992.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan tidak menyimpan rekod bekas-bekas perajurit yang melakukan kes-kes jenayah. Selain daripada itu, adalah sukar bagi Kementerian untuk mengikuti perkembangan dan mengesan kedudukan bekas-bekas perajurit yang berjumlah 300,000 dalam seluruh negara. Dan juga kes-kes jenayah ini tidak diklasifikasikan mengikut kumpulan-kumpulan tertentu seperti bekas perajurit ataupun bukan bekas perajurit.

**KLINIK SWASTA - BAYARAN PERUBATAN**

**12. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa klinik-klinik swasta adalah dikecualikan dari meletak tanda harga pada barangan komoditi yang dibekalkan kepada pesakit-pesakit termasuklah ubat. Bagaimanakah caranya untuk pesakit-pesakit mengetahui bahawa mereka tidak dikenakan caj berlebihan. Sejauh manakah klinik-klinik swasta dibenarkan meraih keuntungan dari pembekalan ubat kepada pesakit-pesakit.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-Pertua, caj atau bayaran perubatan di sektor swasta tidak mudah dikawal kerana ianya tertakluk kepada permintaan pasaran ataupun 'market forces', dengan izin. Prosedur rawatan perubatan ke atas seseorang pesakit merupakan rangkaian proses perkhidmatan yang bermula dengan temujanji dengan pengamal perubatan, 'consultation', dengan izin, pemeriksaan, penyelidikan makmal, preskripsi atau 'prescription', dengan izin, kaunseling dan mungkin temujanji lanjutan (follow-up). Oleh kerana proses yang disebabkan itu merupakan 'perkhidmatan' sebagai satu servis yang berkemungkinan berlarutan, maka adalah amat sukar untuk menetapkan tanda harga bagi perkhidmatan-perkhidmatantersebut.

Akta Perubatan 1971 membenarkan pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta ini untuk mengenakan caj perubatan yang berpatutan ke atas perkhidmatan yang diberi kepada pesakit-pesakit mereka. Sekiranya pesakit-pesakit tidak berpuas hati dengan kadar caj perubatan, mereka bolehlah buat aduan kepada Majlis Perubatan Malaysia (MMC) yang akan menyidiki perkara ini.

Di dalam kos rawatan perubatan, ubat-ubatan merupakan satu-satunya bahan utama yang mempengaruhi kos. Harga ubat-ubatan berbeza-beza mengikut jenama, syarikat-syarikat pembekal, keluasan kegunaannya dan sama ada ia mempunyai saingan dalam pasaran.

Kementerian Kesihatan dan Majlis Perubatan Malaysia tidak mempunyai maklumat tentang kadar untung atas pembekalan ubat-ubatan di sektor swasta.

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kesihatan bercadang menghadkan doktor-doktor di sektor swasta hanya membuat rawatan sahaja dengan pembekalan ubat-ubat dibuat oleh farmasi, iaitu mengasingkan kedua-dua perkhidmatan ini?

**Dato' Mohamed Farid bin Arrifin:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan belum mempunyai dasar sedemikian, tetapi pihak Persatuan Farmasi telah pun membuat satu syor supaya dipisahkan 'consultation' dengan 'dispensing of medicine'. Setakat ini Kementerian belum membuat keputusan muktamad.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Zainal bin Md. Deros.

**Tuan Haji Dol bin Dolah:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 13.

#### PEPERIKSAAN SPM - PRESTASI TAHUNAN

**13. Tuan Haji Dol bin Dolah [di bawah 5.0.23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sebab-sebab merosotnya keputusan peperiksaan SPM tahun 1993 berbanding dengan tahun sebelumnya dan adakah akibat pelajaran menurun kerana terdedah kepada unsur-unsur yang menggoda dan mencabar seperti panjang masa siaran TV dan apakah usaha-usaha Kementerian untuk meningkatkan prestasi pelajar-pelajar dalam mata pelajaran Matematik dan Sains.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak wajar sekiranya dibuat perbandingan antara prestasi SPM 1993 dengan SPM 1992 atau tahun-tahun sebelumnya. Ini memandangkan terdapatnya beberapa perbezaan di antara SPM (KLSM) dahulu dengan SPM (KBSM) iaitu dari segi:

- (i) syarat pemilihan mata pelajaran;
- (ii) format dan bentuk ujian dalam mata pelajaran;
- (iii) syarat pensijilan dan pengiraan agregat.



Pencapaian tahun 1993 ini akan menjadi asas (base year) bagi pencapaian tahun-tahun yang akan datang. Berasaskan perbezaan ini, raaka adalah tidak wajar menyatakan keputusan SPM 1993 merosot berbanding tahun 1992.

Pendedahan pelajar kepada unsur-unsur yang menggoda seperti panjangnya waktu siaran Televisyen adalah salah satu faktor yang diakui mempengaruhi prestasi pelajar. Walau bagaimanapun, sejauh manakah faktor ini memberi kesan belum dapat ditentukan kerana kajian mendalam mengenainya belum lagi dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik, peratus kelulusan mata pelajaran Sains adalah tinggi, iaitu dalam lingkungan 81% ke-94% untuk kedua-dua tahun SPM 1992 dan 1993. Bagi mata pelajaran Matematik pula peratus kelulusan adalah dalam lingkungan 50% ke-53% bagi kedua-dua tahun tersebut. Kementerian Pendidikan terus memberi penekanan bagi meningkatkan prestasi bagi kedua-dua mata pelajaran **ini**. Kementerian Pendidikan telah mewujudkan beberapa Jawatankuasa Khas bagi merangka dan mengimplementasikan pelbagai rancangan dan program di peringkat Kementerian, peringkat negeri dan peringkat daerah bagi dilaksanakan di semua peringkat sekolah.

#### BURUH KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR - PERLINDUNGAN

**14. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah beliau setuju bahawa Jabatan Buruh tidak mengawal selia dengan baik terhadap pengambilan buruh-buruh di kilang-kilang. Jika Jabatan menyelia dengan teliti sudah tentu kes kanak-kanak bawah umur terputus tangan yang bekerja di kilang roti yang berlaku di Alor Setar baru-baru ini tidak berlaku. Apakah tindakan-tindakan Kerajaan terhadap pengilang-pengilang yang melakukan kesalahan di bawah kes ini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M Mahalingam]:**

Kementerian Sumber Manusia sentiasa mengawasi kegiatan penggajian kanak-kanak dan orang muda melalui pemeriksaan-pemeriksaan berjadual dan pemeriksaan mengejut ke atas tempat-tempat pekerjaan, khususnya yang disyaki cenderung untuk menggaji kanak-kanak. Sebanyak 81 aduan berhubung penggajian kanak-kanak yang diterima sepanjang tahun 1993 diambil tindakan serta-merta. Daripada jumlah ini, 12 majikan telah didakwa kerana melakukan kesalahan.

Selain daripada mempergiatkan dan mempertingkatkan pemeriksaan di tempat-tempat pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia akan mengkaji Akta (Penggajian) Kanak-kanak dan Orang Muda 1966 dengan tujuan memperkemaskan lagi, kawalan penggajian kanak-kanak, di samping memberi kanak-kanak dan orang muda lebih perlindungan.

**Tuan Haji Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terdapat pekerja-pekerja di kilang yang membuat pemotongan KWSP, tetapi bayaran daripada pihak KWSP tidak sampai. Bermakna di sini pihak kilang tidak menyampaikan bayaran pekerja kepada pihak KWSP. Pihak pekerja telah mengambil langkah iaitu dengan membuat aduan. Setelah menunggu beberapa tahun lamanya tidak ada kekesanan. Adakah penyelarasan yang dibuat di antara Kementerian dengan pihak KWSP?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan tambahan itu tidak ada kena-mengena dengan soalan asal.

## TAHUN MELAWAT MALAYSIA - JUMLAH PELANCONG

**15. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) jumlah pelancong yang melawat Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 1994, sehingga bulan April, mengikut pecahan nsgara asal mereka;
- (b) adakah jumlah ini memuaskan dari segi kos perbelanjaan promosi;
- (c) kalau tidak, apakah faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan industri pelancongan; dan
- (d) nyatakan tindakan yang dicadangkan oleh Kementerian untuk menyelesaikannya.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan para pelancong yang datang melawat Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 1994 sehingga bulan April masih di peringkat pengumpulan data-data oleh Jabatan Imigresen dan dijangka akan dapat diperolehi menjelang minggu ketiga bulan Mei ini. Walau bagaimanapun, jumlah pelancong yang telah melawat Malaysia sehingga bulan Mac bagi tahun ini adalah seramai 1,584,659 orang. Pecahan mengikut negara asal mereka adalah seperti berikut:

<b>Negara Asal</b>	<b>Jumlah Pelancong</b>
ASEAN	1,174,735 orang
Asia Timur (termasuk Vietnam dan Myanmar)	186,775 orang
Asia Selatan	11,858 orang
Asia Barat	5,262 orang
Amerika Utara	30,274 orang
Amerika Selatan	813 orang
Oceania	37,136 orang
Eropah	95,393 orang
Afrika	7,226 orang
Lain-lain Negara	35,187 orang

Secara keseluruhan dan perbandingan dengan ketibaan pelancong, bagi tempoh yang sama di tahun yang lalu menunjukkan peningkatan sebanyak 16.3% dan angka ini adalah memuaskan jika dilihat dari segi perbelanjaan promosi bagi tahun 1993 dan tahun 1994.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari angka yang telah pun ditunjukkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, iaitu 1.1 juta pelancong yang telah pun datang, saya terkejut juga bahawa 186,000 orang darinya adalah daripada Myanmar dan juga Vietnam. Apakah pada pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa angka-angka ini juga termasuk mereka yang datang ke negara kita ini untuk mencari pekerjaan dan lepas itu tidak balik lagi ke negara masing-masing.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, angka yang seramai 186,775 orang ini bukanlah berasal dari Vietnam dan Myanmar sahaja. Ada juga di kalangan mereka adalah berasal dari negara Asia Timur termasuk Jepun, Taiwan, Hong Kong dan negeri China, termasuk Vietnam dan Myanmar. Sebenarnya, bilangan yang datang dari Vietnam dan Myanmar adalah merupakan sebilangan kecil sahaja.

**Dato' Mohd. Radzi bin Manan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jumlah 1.1 juta orang Asian yang masuk ke negara kita ini, berapa peratuskah yang melalui Tambak Johor?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang terperinci tentang peratusan yang tepat, tetapi kira-kira 70% dari pelancong ini adalah masuk melalui Tambak Johor.

**Puan Hajah Rahmah binti Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan, di antara berpuluh-puluh ribu para pelancong **ini**, adakah mereka ini terlibat dengan apa jua jenayah seperti rogol dan sebagainya?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tiada angka yang tepat. Pihak Imigresen ataupun pihak Kementerian Dalam Negeri mungkin boleh membekalkan angka yang tepat. Tetapi pada keseluruhannya, menurut apa yang diterima oleh Kementerian saya, bilangan pelancong yang terlibat dalam perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah amat kecil sekali.

#### PELABURAN DI SEKTOR PERINDUSTRIAN - LANGKAH MEMPERTINGKATKAN

**16. Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang akan diambil untuk mempertingkatkan pelaburan di bidang industri memandangkan bahawa pelaburan asing yang kian berkekurangan pada beberapa tahun kebelakangan ini; dan
- (b) daripada jumlah Memorandum Persefahaman (MOU) yang telah ditandatangani sama ada mengenai pelaburan di luar atau dalam negeri, berapa projek telah dilaksanakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' S.S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi memperbaiki serta mengekalkan daya saing Malaysia dalam menarik pelaburan asing yang semakin kompetitif sekarang, di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan ialah:
  - (i) menyemak semula dan memperkenalkan insentif-insentif baru yang dijangka akan dapat menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor perindustrian. Di antara insentif tersebut ialah:

- (a) menurunkan cukai korporat dari 34% kepada 32% bagi tahun taksiran 1994 dan seterusnya kepada 30% bagi tahun taksiran 1995.
  - (b) mewujudkan galakan-galakan cukai yang lebih menarik untuk industri-industri yang terpilih khususnya projek-projek yang berteknologi tinggi dan yang menitikberatkan aktiviti-aktiviti R&D.
  - (c) mewujudkan galakan elaun pelaburan semula yang lebih menarik bagi syarikat-syarikat perkilangan yang sedia ada.
- (ii) melancarkan 'Inisiatif Pelaburan Tempatan' bertujuan menggalakkan lebih banyak lagi syarikat-syarikat tempatan untuk menceburi dalam aktiviti-aktiviti perkilangan, khususnya di bidang industri kecil dan sederhana;
  - (iii) mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti penggalakan pelaburan, khususnya ke negara-negara yang berpotensi menyumbangkan pelaburan dalam industri-industri yang terpilih; dan
  - (iv) melaksanakan serta mempertingkatkan lagi program-program pembangunan infrastruktur seperti kemudahan-kemudahan jalan raya, pelabuhan, bekalan air dan elektrik..
- (b) Adalah sukar untuk menentukan jumlah sebenar projek-projek yang telah dilaksanakan di bawah Memorandum Persefahaman (MOU) yang telah ditandatangani, sama ada di luar negeri

atau dalam negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia. Ini adalah kerana syarikat-syarikat tersebut tidak perlu mendaftar atau mendapat kelulusan dengan Kementerian ini untuk melaksanakan projek-projek berkenaan. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklum balas yang diperolehi daripada pengumuman-pengumuman yang dibuat oleh syarikat-syarikat berkaitan, kira-kira 30% daripada 139 Perjanjian Persefahaman yang telah ditandatangani telah disusuli dengan pelaksanaan projek oleh syarikat-syarikat Malaysia di luar negeri. Bidang-bidang yang diceburi termasuklah dalam sektor pembinaan, hotel dan pelancongan, perkilangan, telekomunikasi, carigali minyak, pembalakan, khidmat bank dan percetakan.

#### PERGERAKAN GAJI STATIK - BANTAHAN GURU-GURU

**17. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat ini berapakah jumlah kes guru statik dalam penilaian SSB ini membuat rayuan atau bantahan dengan pihak Kementerian.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan belum menerima sebarang surat rayuan daripada guru-guru yang mendapat pergerakan gaji statik.

#### ASEAN - PENYERTAAN VIETNAM

**18. Tuan Haji Dol bin Dollah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Vietnam berkemungkinan mengemukakan permohonan lebih awal daripada yang dijangka untuk menyertai ASEAN dan hingga hari ini apakah petanda-petanda baik yang Vietnam akan menyertai ASEAN dan memandangkan statusnya kini ialah sebagai pemerhati.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, Vietnam memang telah menyatakan hasratnya untuk menganggotai ASEAN dan kita memang menyokong hasrat itu. Tetapi bilakah sebenarnya ia secara rasmi akan menjadi anggota ASEAN, ini bergantung kepada keputusan yang akan dibuat oleh negara-negara ASEAN yang lain. Ianya mesti ada muafakat dan mesti ada consensus, barulah Vietnam di terima. Jadi, pada waktu ini saya tidak dapat hendak menentukan bilakah masanya.

**MATA PELAJARAN MATEMATIK - KEMEROSOTAN KEPUTUSAN  
PEPERIKSAAN SPM**

**19. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sebab-sebab kemerosotan prestasi mata pelajaran matematik dalam keputusan SPM 1993 didapati kurang memuaskan, dan jika benar, apakah rancangan Kementerian untuk memperbanyakkan guru-guru matematik supaya seluruh sekolah dapat khidmat guru-guru yang mempunyai ijazah dalam ilmu matematik; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk memberi peluang guru-guru mengambil ijazah dalam bidang matematik dengan memberikan mereka cuti bergaji di dalam dan di luar negeri.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang menyedari tentang kemerosotan keputusan mata pelajaran Matematik dalam peperiksaan SPM baru-baru ini. Untuk mengatasi masalah tersebut berbagai-bagai langkah telah dilakukan termasuklah memulakan Kursus Perguruan Sekolah Rendah (Matematik) dan juga Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (Matematik dan Sains). Di samping itu, kursus-kursus dalam perkhidmatan berbentuk jangka panjang dan jangka pendek bagi mata pelajaran Matematik juga dijalankan di maktab-maktab perguruan. Ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kepakaran dan juga kemahiran guru-guru terlatih dalam bidang tertentu.
- (b) Kementerian memang memberi peluang dan sokongan kepada guru-guru mengambil ijazah dalam bidang yang penting dan tertentu seperti Matematik.



**KEGIATAN MEDIA MASSA LUAR KEGERI MEMBURUKKAN IMEJ MALAYSIA**

**20. Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada usaha-usaha untuk memburukkan imej Kerajaan Malaysia dilakukan oleh Kerajaan-kerajaan asing ataupun dilakukan oleh agen-agen Barat yang iri hati terhadap kemajuan Malaysia dalam bidang perdagangan dan perindustrian, dan jika benar apakah tindak balas Kerajaan Malaysia untuk mengatasi pencerobohan pemikiran ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada usaha-usaha yang dijalankan oleh media massa dan juga NGOs di luar negeri untuk memburukkan imej Kerajaan Malaysia. Ini kita ketahui kerana kita sentiasa monitor apa juga siaran akhbar di luar negeri dan apa juga berita-berita yang tersiar di negara-negara lain. Daripada ini kita dapat mengetahui tentang adanya kegiatan-kegiatan yang cuba memburukkan imej Malaysia. Satu daripadanya ialah yang berlaku baru-baru ini oleh akhbar Britain dalam mana tersiar dalam akhbar itu, yang membuat tuduhan palsu, yakni fitnah semata-mata yang mengatakan pemimpin-pemimpin negara kita mengambil rasuah dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan memang telah diketahui oleh semua Ahli Yang Berhormat.

Jadi, kita juga mengadakan satu pendekatan untuk menghubungi pihak-pihak media massa dan juga Ketua-ketua NGOs, mendekati mereka dan juga memberi fahaman tentang apakah usaha-usaha yang telah kita laksanakan dan kita buat sama ada dalam negeri ataupun apakah cara-caranya kita menangani isu-isu antarabangsa, umpamanya dalam hal yang berkaitan dengan persidangan kita di Rio pada suatu masa dahulu yang berkaitan dengan alam sekitar, kita mempunyai satu hubungan yang baik dengan pihak NGO dan mereka telah memahami dasar-dasar kita, terutamanya yang bersangkutan dengan hutan dan alam sekitar dan dengan itu kita dapati mereka tidaklah begitu sangat mengkritik Kerajaan kita.

Usaha-usaha untuk mendekati kepimpinan NGOs dan pihak akhbar ini akan sentiasa diteruskan kerana kita tahu dari semasa kesemasa Kerajaan kita terpaksa menangani isu-isu yang sering berubah dan isu-isu baru. Jadi hubungan kita dengan mereka sentiasalah diteruskan.

Kalau di luar negeri, usaha ini dijalankan oleh kedutaan kita di luar negeri khususnya atase-atase penerangan kita dan kalau dalam negeri memanglah dijalankan oleh Kementerian masing-masing yang mungkin terlibat dengan sebarang tuduhan ataupun sebarang laporan dalam akhbar ataupun tindakan yang diambil oleh NGO untuk memburukkan imej negara kita.

**Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah sehingga kini masih terdapat lagi mana-mana individu atau rakyat Malaysia atau mana-mana kumpulan rakyat Malaysia di luar negeri yang memburukkan kepimpinan negara ataupun negara kita di luar negara? Kalau ada, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan sehingga ini?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kebelakangan ini kita tidak menerima sebarang laporan yang ada hubung kait dengan rakyat Malaysia yang bertindak seperti Yang Berhormat sebutkan tadi.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, ejen-ejen Barat ini melemahkan negara kita dengan berbagai-bagai cara. Didapati kematian perajurit kita di Bosnia baru-baru ini tidak dipaparkan, di negara-negara Barat begitu luas. Ini salah satu dari cara untuk membawa negara kita lemah dipandang oleh negara-negara lain yang simpati dengan kita. Apakah langkah pihak Kementerian Luar Negeri dalam masalah negara-negara Barat mengenyahkan imej negara kita?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan berlakunya kematian di Bosnia baru-baru ini yang melibatkan seorang anggota tentera kita, ini baru sangat berlaku dan tidaklah semua negara-negara Barat menjadikan ini sebagai satu berita yang disiarkan di dalam negeri mereka tetapi sama ada mereka hendak siarkan atau tidak, ini bergantung kepada bagaimanakah mereka lihat berita itu. Kalau pun mereka tidak siarkan, saya tidak lihat ini sebagai satu tanda yang mereka hendak memburukkan imej kita.

#### STESEN MINYAK - KRITERIA PEMBERIAN LESEN

**21. Dato' William Chek Lin Kwai** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah kriteria pemberian Lesen Stesen Minyak dan berapakah bilangan yang diluluskan setakat hari ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]:** Tuan Yang di-Pertua, kriteria-kriteria pemberian kebenaran untuk mengusahakan stesen minyak adalah seperti berikut:-

- (i) mendapat perlantikan daripada syarikat pembekal minyak;
- (ii) mendapat kelulusan untuk menyimpan minyak dari Pihak Berkuasa Tempatan dan Bomba;
- (iii) mendapat kebenaran Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa yang lain bagi tukar syarat tanah kepada stesen minyak;
- (iv) bagi stesen binaan syarikat minyak, pengusaha mestilah 100% bumiputera kecuali terdapat keadaan-keadaan seperti pengambilan semula tanah oleh Kerajaan, maka pengusaha yang terlibat dibenarkan mengusahakan stesen yang baru; dan

- (v) bagi stesen-stesen binaan pengusaha-pengusaha sendiri, kebenaran diberi kepada sesiapa yang memiliki tanah dan membiayai kos perabinaan stesen.

Sehingga 31hb Mac 1994, sebanyak 2,590 kebenaran telah dikeluarkan.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, biasanya apabila pihak Kementerian memberikan lesen minyak ataupun stesen minyak, stesen-stesen ini juga akan membuka workshop di sesuatu tempat dan ini didapati akan mengotorkan alam sekitar dan juga bandar-bandar di mana stesen minyak dan workshop itu dibuka. Jadi, adakah pihak Kementerian bercadang supaya mereka yang hendak menjual minyak hanya dikhaskan untuk menjual minyak sahaja dan workshop dipindahkan di tempat lain yang terasing daripada stesen untuk menjual minyak?

**Dr. Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, kebenaran 'PTA' yang dikeluarkan oleh pihak tertentu hanya membenarkan mereka ini untuk menjalankan atau urus niaga jualan minyak. Perkara yang ada kaitan dengan perjalanan workshop dan kerja-kerja membaiki kereta dan kenderaan yang lain, saya percaya ini adalah tertakluk kepada lesen yang di bawah bidang kuasa pihak Kerajaan Tempatan. Maka, saya percayalah bahawa perkara seperti pencemaran alam sekitar dan keadaan kotor, ini juga diambil kira atau diberi perhatian oleh kerana di antara syarat-syarat yang dikehendaki dari syarikat pembekal minyak kepada tuan punya stesen-stesen minyak adalah mereka ini harus menjaga kebersihan alam persekitaran kawasan stesen minyak.

**AHLI FARMASI - MEMUDAHKAN SYARAT PENDAFTARAN**

**22. Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) sama ada beliau sedar bahawa penuntut lulusan farmasi perlu mengambil 'Pre-Reg' ataupun housemanship mereka di hospital Kerajaan sebelum diiktiraf sebagai ahli farmasi, jika sedar, mengapakah pihak Kementerian tidak mengambil inisiatif serta bekerjasama dengan agensi Kerajaan lain yang menaja pelajar-pelajar dalam bidang ini untuk membantu memudahkan pendaftaran masuk ke hospital-hospital Kerajaan memandangkan pada masa ini kita amat memerlukan ahli farmasi.
- (b) sama ada Kementerian akan membenarkan ahli farmasi mengadakan 'Consultancy Room' dan meluaskan aktiviti mereka kepada skop yang lebih luas daripada semata-mata menyedia dan menjual ubat-ubatan kepada pesakit terutamanya ahli farmasi dalam klinik mereka.

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) (i) semua graduan farmasi yang mempunyai Ijazah Farmasi yang diiktiraf oleh Lembaga Farmasi perlu menjalani latihan, dengan izin, 'housemanship' selama satu tahun di hospital Kerajaan ataupun di institusi lain yang diiktiraf oleh Lembaga Farmasi, Kementerian Kesihatan menggalakkan graduan farmasi menjalankan latihan ini di hospital-hospital Kerajaan oleh kerana Kementerian berpendapat bahawa latihan yang diberi oleh hospital Kerajaan adalah menyeluruh. Setelah tamat latihan 'housemanship', seseorang graduan akan didaftar dengan Lembaga Farmasi sebagai seorang Ahli Farmasi Berdaftar. Hanya Ahli-ahli Farmasi Berdaftar sahaja yang boleh dilantik sebagai Pegawai Farmasi di institusi-institusi Kerajaan.

- (ii) Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengambil inisiatif untuk melantik Ahli Farmasi secepat mungkin. Mulai tahun ini, proses perlantikan Pegawai Farmasi akan dijalankan semasa ahli-ahli Farmasi Pelatih masih menjalankan latihan ataupun 'housemanship' mereka. Adalah diharap surat tawaran untuk bertugas sebagai Pegawai Farmasi boleh dikeluarkan sebaik sahaja Ahli-ahli Farmasi yang terlatih tamat menjalani latihannya. Dengan cara ini, Ahli Farmasi Pelatih boleh bertugas sebagai Pegawai Farmasi sebaik sahaja selesai tempoh latihannya nanti.
- (b) Kementerian Kesihatan menggalakkan Ahli-ahli Farmasi mengadakan, dengan izin, "Consultancy-Room" di mana pesakit-pesakit boleh menerima nasihat-nasihat tentang ubat-ubatan secara peribadi. Nasihat-nasihat yang diberi termasuk cara penggunaan ubat, kesan sampingan, jika ada, pada ubat-ubat berkenaan, cara menyimpan ubat dan lain-lain perkara yang berkaitan. Ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk meluaskan skop Ahli-ahli Farmasi untuk meliputi kaunseling kepada pesakit dengan tujuan untuk menggalakkan penggunaan ubat secara betul dan rasional.

**MAJALAH MEMAPARKAN NILAI-NILAI NEGATIF - KAWALAN**

**23. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan supaya KDN memperketatkan syarat-syarat pemberian lesen kepada syarikat-syarikat penerbitan, terutamanya penerbitan majalah-majalah untuk remaja yang terlalu memaparkan tentang kecantikan, keseksian, keperibadian barat, rencana-rencana sensasi yang lebih kepada glamour dan khayalan dan bertentangan dengan Wawasan 2020 yang lebih mahukan remaja bersikap dinamik, progresif dan berakhlak tinggi.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawasi dan membuat kajian ke atas semua penerbitan yang telah diberi permit. Ini adalah untuk memastikan kandungannya tidak memaparkan unsur-unsur negatif seperti rencana atau berita sensasi, cerita-cerita khayalan dan bahan-bahan yang menunjukkan nilai-nilai negatif dari Barat yang bertentangan dengan matlamat Kerajaan.

Di samping itu, Kementerian Dalam Negeri juga sedang memperkemas dan memperketatkan jentera penapisan bahan bacaan negatif, sebaliknya menggalakkan penghasilan penerbitan-penerbitan yang menjurus kepada unsur-unsur positif dalam usaha mewujudkan remaja yang berilmu, bersikap dinamik dan berakhlak tinggi selaras dengan usaha menuju matlamat Wawasan 2020.

**PELAJAR PERUBATAN MENAMBAHKAN PENGAMBILAN**

**24. Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan tenaga kerja doktor masih sangat kurang di negara kita, adakah Kementerian bercadang menambah bilangan pengambilan pelajar bidang perubatan di universiti tempatan. Kalau tidak, mengapa.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi amalan Kementerian Pendidikan menambah pengambilan pelajar Perubatan di universiti-universiti tempatan. Pada sesi 1993/1994 sebanyak 447 pelajar Perubatan telah diambil memasuki universiti-universiti tempatan dan pada sesi 1994/1995 sebanyak 462 tempat disediakan.

Dengan penubuhan Kampus Perubatan Universiti Islam Antarabangsa di Kuantan, Hospital Pengajar Universiti Kebangsaan di Cheras dan Fakulti Perubatan UNIMAS di Sarawak, lebih ramai lagi pelajar perubatan diberi tempat di universiti-universiti tempatan. Seperti Yang Berhormat maklum, Kerajaan juga menghantar pelajar kita untuk belajar di fakulti perubatan di luar negara dan bilangannya ditambah dari masa ke semasa. Dengan langkah-langkah tersebut, suatu masa nanti masalah kekurangan Pegawai Perubatan di negara ini kita akan dapat atasi.

#### MAS - KEMEROSOTAN PENERBANGAN DOMESTIK

**25. Dr. Toh Kin Woon** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kesan-kesan ke atas penerbangan domestik MAS sejak terbukanya Lebuh raya Utara-Selatan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh MAS untuk menarik balik penumpang-penumpangannya.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, sejak terbuka sepenuhnya Lebuh raya Utara-Selatan dalam bulan Februari tahun ini, Penerbangan Malaysia (MAS) telah mencatatkan kemerosotan jumlah penumpang dalam sektor-sektor utama. Kemerosotan bagi tempoh Februari tahun ini hingga April tahun ini berbanding dengan November 1993 hingga Januari tahun ini bagi sektor-sektor utama adalah seperti berikut:-

<u>Sektor Penerbangan</u>	<u>Peratus Kemerosotan</u>
Kuala Lumpur-Penang	7.6%
Kuala Lumpur-Ipoh	30.7%
Kuala Lumpur-Alor Setar	13.3%;
Kuala Lumpur-Johor Bharu	17.7%



MAS telah mengambil beberapa langkah untuk menarik balik penumpang-penumpangnya. Langkah-langkah awal yang telah diambil adalah yang pertama; memperkenalkan pakej 'fly-drive' dan untuk penjelasan Tuan Yang di-Pertua, 'fly-drive' ini adalah bila seseorang terbang dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang; sampai ke Pulau Pinang dalam pakej itu memberikan perkhidmatan sebuah kereta sama ada dengan Avis atau apa-apa syarikat penyewa kereta untuk kegunaan dan untuk keselesaan penumpang-penumpang itu. Itulah yang diperkenalkan - 'fly-drive package'.

Yang keduanya, memperkenalkan 'fly-rail package' di mana fly sehala dan kembali dengan kereta api. Dan yang ketiganya; memperkenalkan skim insentif 'frequent flyer' dan MAS juga sedang mengkaji kemungkinan mengadakan penerbangan domestik 'no frills'.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi soalan No. 26 hingga 52 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]**

**RANG UNDANG-UNDANG**  
**RANG UNDANG-DNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1994**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**3,35 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Perlembagaan ini dilakukan untuk mendukung konsep Demokrasi Berparlimen dari Raja Berperlembagaan berdasarkan kepada gagasan pemerintahan mengikut undang-undang dengan izin, rule of law. Kerajaan meminda Perlembagaan dengan tujuan menegakkan kedaulatan undang-undang dan juga menjalankan pemerintahan supaya Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan diletakkan di tempat yang tertinggi sekali.

Dengan hal yang demikian, kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara akan terlaksana dalam suasana dan persekitaran yang aman dan stabil. Oleh kerana tunjang pemerintahan negara adalah Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, amatlah penting bahawa amalannya dimaktubkan untuk mengelakkan dari berlaku kekeliruan, kekaburan serta pertentangan dalam perlaksanaannya. Ini akan memperkukuh dan memantapkan sistem pemerintahan negara sejajar dengan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Justeru itulah Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini supaya Rang Undang-undang tersebut dapat memperjelas kedudukan gagasan Demokrasi Berparlimen dan the rule of law sebagaimana yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 10hb Mei 1994.

Di dalam pindaan ini Kerajaan telah merangkumkan beberapa perkara lain yang dilakukan di atas semangat, hasrat dan cita-cita Kerajaan bagi memastikan perundangan dan pentadbiran negara dapat berkembang selaras dengan pembangunan masyarakat dan negara pada masa kini.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum dan sedar bahawa Perlembagaan semestinya menjadi dokumen asas bagi menentukan pentadbiran, pengurusan dan perundangan negara berjalan dengan

sempurna, berkesan serta teratur. Dalam konteks inilah ia diperlukan sentiasa relevan dan berkembang subur bagi menghadapi cabaran terkini. Sebagai satu dokumen utama dalam pemerintahan dan perundangan negara ia tidak seharusnya bersifat statik dan beku. Di sebaliknya ia diperlukan boleh berubah mengikut keperluan dan kehendak semasa. Apabila ia berkembang ia lebih bersifat dinamik bagi menjamin kesejahteraan dan kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itulah saya menganggap bahawa pindaan Perlembagaan yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 9hb dan 10hb Mei 1994 di Dewan Rakyat adalah amat wajar dan tepat dengan tuntutan dan amalan semasa. Pada petang ini di Dewan yang mulia, saya bagi pihak Kerajaan membentangkan pindaan Perlembagaan seperti mana diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 10hb Mei 1994 bagi kelulusan dan pertimbangan Dewan yang mulia. Saya yakin pindaan Perlembagaan ini bersifat dinamik, subur dan segar untuk memberi pelbagai jawapan bagi menghadapi masalah semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lain perkataan, pindaan Perlembagaan sekarang adalah langkah yang berterusan bagi memantapkan sistem pemerintahan yang berteraskan kepada keadilan dan kesamarataan bagi semua lapisan masyarakat tanpa mengira kedudukan dalam rangkaian hidup bernegara. Keadilan sebagai falsafah yang diamalkan membawa harapan dan menjadi obor suci dalam budaya dan perjuangan manusia. Apabila keadilan tercapai ia akan menzahirkan keseimbangan dalam pembangunan manusia sama ada dari aspek ekonomi, sosial ataupun politik. Keadilan sebenarnya adalah hak asasi sejagat yang dituntut oleh manusia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu untuk memberi keadilan kepada rakyat, adalah menjadi iltizam kepada Kerajaan sebagai pemegang amanah untuk menyempurnakan tugas bagi membebaskan rakyat dari pelbagai bentuk penjajahan pemikiran yang boleh melencong dan menyempitkan penghayatannya untuk mencapai pembaharuan dalam perundangan negara.

Setiap pemimpin dituntut oleh rakyat agar menegak dan mendaulatkan kuasa dan pemerintahan rakyat berteraskan kedaulatan undang-undang. Justeru itulah pindaan ini perlu dilihat dalam konteks pengisytiharan Raja-Raja yang menterjemahkan amalan sejagat gugusan Raja Berperlembagaan dan pindaan Perlembagaan mengenai imuniti Raja-Raja sebagai proses mendaulatkan kuasa rakyat dan memberi makna yang sebenar kepada Sistem Raja Berperlembagaan. Terima Allah, tidak akan lagi timbul kekeliruan di kalangan rakyat dan Raja tentang peranan masing-masing. Dalam senario wawasan ia akan memperkukuh dan menunjukkan kematangan negara menangani masalah semasa.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Rang Undang-undang bagi meminda Perlembagaan kali ini ialah untuk memaktubkan beberapa peruntukan bagi mewujudkan Mahkamah Rayuan sebagaimana dijelaskan di dalam Huraian kepada Rang Undang-undang. Penubuhan Mahkamah Rayuan ini akan mengembalikan semula sistem yang dipraktikkan dulu. Dalam masa yang sama Mahkamah Rayuan ini juga akan mewujudkan sistem penghakiman tiga peringkat berlandaskan kepada konsep satu perbicaraan dan dua rayuan. Ianya diperkenalkan semula sebagaimana juga diamalkan di negara-negara lain sama ada negara itu yang berasaskan kepada gagasan common law Inggeris ataupun di sebaliknya. Walaupun Mahkamah Rayuan ini akan ditubuhkan, Mahkamah Persekutuan yang menjadi mahkamah pengganti kepada Mahkamah Agung akan terus menjadi mahkamah tertinggi negara kekal sebagai mahkamah yang mempunyai bidang kuasa dalam hal-hal Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya akan menerangkan ciri-ciri penting yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini. Di antaranya didasari kepada:-

- (i) pindaan-pindaan yang bertujuan melicinkan perjalanan pemerintahan sama ada dari aspek pentadbiran ataupun pengawasan jentera Kerajaan sudah tentu ia dapat mewujudkan kepuasan kepada rakyat untuk mendapat keadilan dengan seluas mungkin.
- (ii) pindaan yang berhubung dengan penubuhan Mahkamah Rayuan serta peruntukan bagi menyelaraskan jawatan-jawatan hakim. Sehubungan dengan itu juga, sebutan "Mahkamah Tinggi Borneo" ditukar kepada Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak".

Fasal-fasal 2, 3, 5, 6, 7, 9, 10, 11 dan 12 adalah pindaan-pindaan yang perlu dengan penubuhan Mahkamah Rayuan dan seterusnya merangkumi perkara-perkara bersabit dengan mengganti sebutan "Mahkamah Agung", "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung" masing-masing kepada "Mahkamah Persekutuan" dan "Hakim Besar Mahkamah Persekutuan".

Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman ledakan maklumat ini pemikiran rakyat semakin matang. Rakyat perlu menerima penjelasan dan kebenaran dengan tepat dan betul bagi mengelakkan timbulnya sebarang kekeliruan dan kesamaran. Rakyat perlu diberitahu mengenai pengisytiharan Raja-Raja dan pindaan Perlembagaan menghapuskan imuniti Raja-Raja. Perkara ini perlu dilakukan agar kita dapat memastikan supaya kemuliaan Raja-Raja akan terus dipertahankan dalam konteks Raja Berperlembagaan.

Di dalam Fasal 4 ini akan nienjelaskan maksud sebenar supaya tidak ada lagi kesamaran terhadap prinsip Demokrasi Berparlimen dan tindakan Kerajaan pula mengikut hasrat dan kehendak rakyat. Ini adalah hasil dari semangat kesedaran dan keprihatinan rakyat yang ingin melihat Kerajaan sentiasa dalam stabil, harmoni dan kukuh serta mantap. Bukan sahaja pada masa kini tetapi juga pada masa akan datang.

Fasal 4 ini di dalam Rang Undang-undang akan memasukkan peruntukan baru bagi Perkara 40 di dalam Perlembagaan. Pindaan ini bertujuan untuk menjelaskan perkataan "act in accordance with advice", dengan izin, tidak keraguan bahawa dalam pemerintahan secara Raja Berperlembagaan serta pemerintahan mengikut undang-undang dan amalan, dengan izin, "advice or act in accordance with advice" adalah bertujuan meletakkan kemuliaan Raja sebagai sebahagian dari kaedah pemerintahan berparlimen. Sememangnya ia bertujuan untuk memberi pilihan kepada Raja tetapi menentukan Raja mengikut keputusan rakyat sejajar dengan kemudian Raja duduk di tempat yang tinggi. Ini adalah konsisten dengan teori dan amalan Perlembagaan Raja yang terbina di bawah gagasan Demokrasi Berparlimen.

Fasal 8 dalam Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Perkara 66. Tujuan pindaan ini adalah untuk memastikan proses satu

Rang Undang-undang menjadi undang-undang setelah diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen dan disembahkan untuk diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong tidak mengambil masa yang lama. Dengan pindaan kepada Fasal (4A) yang dicadangkan **itu**, Seri Paduka Baginda tidak lagi diberi pilihan untuk memulangkan suatu Rang Undang-undang dalam tempoh 30 hari yang nyatakan **itu**. Sebaliknya, jika di dalam tempoh 30 hari Rang Undang-undang itu tidak diperkenankan selepas 30 hari itu lepas, Rang Undang-undang tersebut menjadi Rang Undang-undang seperti ianya diperkenankan.

Fasal 13 ialah pindaan kepada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan penubuhan Mahkamah Rayuan dan juga menggantikan sebutan perkataan "Borneo" kepada sebutan perkataan "Sabah dan Sarawak" bagi Mahkamah Tinggi Borneo yang sedia ada.

Fasal 15 Rang Undang-undang itu akan memasukkan satu perkara baru yang memperuntukkan mengenai dengan keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Rayuan. Dengan itu juga dicadangkan supaya peruntukan-peruntukan berhubung dengan Pesuruhjaya Kehakiman dilantik, diletakkan dalam satu perkara berasingan bagi memudahkan rujukan dan juga pindaan, jika ada, masa hadapan sekiranya pindaan menjadi perlu.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal-fasal 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27 dan 28 adalah pindaan-pindaan yang berbangkit dengan penubuhan Mahkamah Rayuan dan juga bagi menggantikan rujukan pada suatu jawatan-jawatan seperti Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan dan juga mana berkenaan sebutan kepada "Hakim" yang akan

mempengerusikan Mahkamah Rayuan itu ialah Presiden Mahkamah Rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu pendekatan baru yang dibawa oleh pindaan ini ialah Kod Etika Hakim-hakim di bawah Fasal 21. Tidak dapat dinafikan dalam sistem pemisahan kuasa di antara Legislatif, Eksekutif dan Kehakiman, masing-masing mempunyai peranan yang tersendiri semasa melaksanakan tugas, amanah dan tanggungjawab. Ini tidak dapat dielakkan oleh kerana setiap dari kita terdedah, diteliti dan dipersoalkan oleh rakyat jelata tentang prestasi melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Kerajaan menerima bahawa sistem pentadbiran kehakiman negara bukan sahaja perlu berkembang dengan apa yang diwarisi dari sistem Common Law Inggeris tetapi ia harus ditegak dan diperkukuhkan seterusnya dengan mengambil kira adunan dalam negara sendiri berasaskan pada agama, adat resam, budaya dan lain-lain faktor yang wujud dalam negara sendiri. Kerajaan sungguh yakin dengan sikap keterbukaan akan terlahirlah sebenarnya Common Law Malaysia melalui proses reformasi pemikiran dan perundangan negara. Langkah pendekatan dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan kini terjurus kepada pembaharuan. Justeru itu, undang-undang perlu bergerak bersamanya.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan Perlembagaan ini dan menyedari bahawa walaupun Badan Kehakiman secara keseluruhan telah dapat melaksanakan tugasnya dengan baik tetapi sebagai institusi manusia, memang ada kelemahan dan kekurangan yang perlu dan boleh diatasi. Justeru itulah, Kerajaan atas permintaan Badan Kehakiman sendiri membawa pindaan kepada Perkara 125 dengan peruntukan baru - 125(3A) dan 125(10).



Kod Etika Kehakiman ini akan meletakkan imej integriti dan kewibawaan hakim di tempat yang tinggi kerana hakim adalah golongan yang dipertanggungjawabkan untuk memberikan keadilan dalam apa-apa pertikaian dikemukakan di mahkamah. Amatlah perlu hakim itu mempunyai sifat seperti mana yang dijelaskan oleh Dr. Abdul Karim Zaidan dalam bukunya "Sistem Kehakiman Islam" iaitu "Seseorang Hakim perlu mempunyai pemikiran yang matang, berakal penuh kepintaran dan kebijaksanaan untuk menyelesaikan masalah di masa yang sama tidak pula lupa dan lalai. Yang penting sekali, ia mesti mempunyai sifat adil yang terangkum dalamnya tinggi akhlak dan budi, tidak gugup dan mempunyai sifat kesabaran supaya ia tidak nampak berat sebelah dalam memberi kehakiman? Insya Allah, pindaan yang dikemukakan ini dapat membantu dan mengukuhkan institusi yang terpenting dalam sistem pekerjaan di negara Malaysia. Pandangan ini juga selaras dengan nasihat yang diberikan oleh Sayidina Ali kepada Gabenor Mesir Al-Ashtar An-Nakhaie. Secara ringkas, sukacita saya menegaskan bahawa seorang hakim perlu memiliki keperibadian yang kukuh, berpegang teguh kepada yang benar mengikut semua hujah denganteliti dan saksama dalam memberikan penghakimannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terlaksananya beberapa fasal dalam Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1994 seperti yang dinyatakan di atas adalah diharapkan ianya dapat memperkukuhkan dan memantapkan lagi sistem perundangan negara selaras dengan reformasi Badan Kehakiman yang dicadangkan itu. Di samping itu, setiap kehendak, keperluan dan keprihatinan rakyat yang mahukan keadilan

dan kesamarataan dapat dilaksanakan dengan scrapurna tanpa menimbulkan keraguan, kesangsian di kalangan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.

**3.47 ptg.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri pada petang ini untuk menyertai dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan menyatakan sokongan saya kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tadi yang telah dibentangkan oleh Menteri sebentar tadi berkenaan dengan beberapa pindaan yang dibuat kepada Perlembagaan ini. Pertamanya, berkenaan dengan penubuhan Mahkamah Rayuan, dan keduanya, berkenaan dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong dalam soal melaksanakan apa yang telah diputuskan oleh Parlimen.

Dalam perkara yang pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana beberapa pertukaran yang telah dilakukan dalam soal mahkamah ini telah banyak dapat mengurang atau menghapuskan kekeliruan yang berlaku tentang penggunaan perkataan "Federal Court" dan "Supreme Court". Kerana di kalangan orang ramai, masalah yang timbul ialah mereka tidak memahami di antara "Supreme" dan "Federal Court" ini yang mana yang lebih tinggi, sebab kedua-duanya melambangkan keagungan masing-masing iaitu "Supreme" dan "Federal" dalam sebuah negara Malaysia - Federation of Malaysia sudah tentu kita merasakan bahawa Federal Court itu yang tertinggi. Tetapi ada pula Supreme Court. Jadi, ini menyebabkan di kalangan rakyat biasa, ia menimbulkan satu kekeliruan.

Dengan penghapusan penggunaan "Supreme Court" digantikan dengan "Federal Court", maka jelaslah apa yang hendak dilakukan oleh Kerajaan iaitu telah nampak ianya tidak akan mengelirukan orang ramai dan orang ramai akan tahu bahawa seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi iaitu ada sistem di mana rakyat akan tahu bahawa mahkamah itu merupakan mahkamah yang lebih tinggi daripada yang satu lagi. Dengan **itu**, maknanya jelaslah ada Mahkamah Rayuan dan ini kita akan tahu bahawa mahkamah mana yang lebih tinggi daripada mahkamah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada **itu**, dalam soal mahkamah ini, dalam pindaan ini juga telah dibuat berkenaan dengan penggunaan perkataan "Borneo" di mana tidak lagi akan wujud Mahkamah Tinggi Borneo, tetapi ditukarkan kepada Sabah dan Sarawak. Ini dalam Artikel 121, muka surat 3, dalara Rang Undang-undang **ini**. Jadi, apa yang saya ingin bertanya, kalau Kementerian merasakan memang perlu dan kena pada tempatnya bahawa perkataan "Borneo" itu tidak digunakan lagi kerana ia merupakan nama warisan daripada penjajahan Borneo ataupun ia cuma pada hari ini dengan adanya Sabah dan Sarawak, Borneo itu cuma digunakan dalam peta untuk menunjukkan sebuah pulau sahaja.

Jadi, memang kena pada tempatnya bahawa perkataan "Borneo" ini harus digugurkan dan digunakan "Sabah dan Sarawak", kerana ia lebih menunjukkan tentang kedudukan wilayah di dalam negara Malaysia kita **ini**. Jadi, kalau Borneo itu dirasakan sudah perlu untuk digugurkan, saya ingin bertanya kepada Kementerian, mengapa harus dipertahankan lagi "Malaya". Saya tidak lihat di dalam pindaan Perlembagaan di sini cadangan untuk digugurkan perkataan "Malaya", cuma "Borneo". Sebab, Malaya ini semenjak tahun 1963 ia sudah tidak ada. Malah dalam konteks negara Malaysia kita pada hari **ini**, yang ada wilayah ialah Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Kementerian iaitu mengapa kalau "Borneo" dirasakan perlu untuk digugurkan, kerana, satu, ianya merupakan warisan daripada penjajahan dan keduanya, kerana ia sudah tidak lagi relevan dalam konteks wilayah negara kita, mengapa "Malaya" tidak

ditukar? Apakah High Court in Malaya itu masih lagi wujud? Setahu saya hanya dua institusi ataupun pertubuhan yang menggunakan "Malaya", satu, Parti Komunis Malaya dan kedua, Mahkamah Malaya. Jadi, satu haram dan satu lagi, menentukan atau mengharamkan sesuatu benda yang lain. Jadi, saya rasa "Malaya" ini juga harus difikirkan untuk kita gugurkanlah, sebab "Malaya" itu sudah tidak wujud (exist) lagi kerana tidak ada siapa lagi memanggil negeri-negeri di Semenanjung ini "Malaya". "Malaya" ini sudah tidak digunakan, melainkan kalau kita 'reference', dengan izin, kepada negeri-negeri di sebelah Malaysia Barat ini disebut "Semenanjung".

Jadi, oleh kerana itu, saya rasa bahawa perkataan "Malaya" ini juga harus digugurkan. Kalau "Borneo" ini digugurkan, maka "Malaya" pun mesti digugurkan, kerana tidak ada keperluan lagi untuk mengenal mahkamah ini sebagai 'The High Court of Malaya'. Jadi, itu persoalan saya kepada Kementerian mengapa perkataan "Borneo" difikirkan patut digugurkan, tetapi "Malaya" itu hendak dipertahankan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal mahkamah ini juga, saya lihat berkenaan dengan etika untuk hakim-hakim ini, di muka surat 9 dalam bahasa Inggeris, Perkara 21 Artikel 125, izinkan saya baca:

"21. (c) (3A) The Yang di-Pertuan Agong on the recommendation of the Chief Justice, the President of the Court of Appeal and the Chief Judge of the High Courts, may, after "consulting the Prime Minister,.. ."

Jadi, kalau di dalam pindaan Perlembagaan ini kita telah memperjelaskan perkataan 'on the advice of the Prime Minister' itu merupakan satu perkara yang mesti dilakukan oleh Agong, jadi mengapa dalam soal untuk

mewujudkan etika ini kita tidak menggunakan perkataan seperti 'on the advice of The Prime Minister, the Yang di-Pertuan Agong on the recommendation of the Chief Justice, the President of the Court of Appeal and the Chief Judge of the High Courts, and on the advice of the Prime Minister, shall prescribe in writing a code'.

Sekarang ini kita sudah jelas apa maknanya 'on the advice of the Prime Minister'. 'On the advice of the Prime Minister', mesti buat Tetapi kalau sekarang ini dalam soal hendak mewujudkan ethic ini pula, hanya menyebut 'after consulting the Prime Minister', nanti berbangkit lagi masalah. Masalahnya, ialah kalau Agong kata, 'I have consulted him it is up to me whether I want to...' Kalau Perdana Menteri kata tak boleh pun, saya sudah consult dia, saya hendak buat juga etika ini mengikut kehendak saya. Jadi, ini sekali lagi akan berbangkit masalah di masa akan datang di mana akan berlaku kekeliruan sama ada kuasa ini kuasa Agong ataupun kuasa Perdana Menteri.

Saya hendak mencadangkan iaitu kalau kita sudah pun memperjelaskan soal 'on the advice of the Prime Minister', Agong mesti buat, maka dalam clause ini kita harus masukkan bukan perkataan 'after consulting', tetapi 'on the advice of the Prime Minister'. He must do it. Kalau tidak, sekali lagi benda ini akan berbangkit sama ada kuasa untuk mewujudkan etika ini adalah kuasa Agong ataupun kuasa Perdana Menteri. Jadi, sebab itu dalam perkara ini saya ingin bertanya kepada Kementerian apa bezanya, dalam soal berkenaan dengan Rang Undang-undang itu, kita guna the words 'on the advice of the Prime Minister', tetapi dalam hal ini 'after consulting the Prime Minister'.

Apakah kita sebenarnya menyatakan bahawa kita memberi satu kuasa kepada Agong untuk menentukan dia membuat etika **ini**. Kalau dia tidak ada kuasa, than we should use, dengan izin, the words 'on the advice of the Prime Minister'. It must be consistent. Dia mesti konsisten dalam Perlembagaan kita ini. Jangan ada 'after consulting' di satu clause, dan satu clause yang lain pula 'on the advice', tak bolehlah macam **itu**, sampai bila-bila pun kita akan bergaduh. Sekali kita sudah buat keputusan bahawa Agong tidak ada kuasa, kuasa itu semua kepada Perdana Menteri yang dipilih oleh rakyat, maka kita kena konsisten di seluruh dalam Perlembagaan kita untuk mengelakkan berlaku lagi kekeliruan yang akan wujud di masa-masa yang akan datang. Itu berkenaan dengan pindaan yang berkaitan dengan soal-soal kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga lihat di dalam pindaan Perlembagaan ini disebut berkenaan dengan soal 'secondment of officers'. Dalam ucapan perbahasan Titah Yang di-Pertuan Agong pada minggu lepas, saya telah membangkitkan soal berkenaan dengan 'State Civil Service' di mana saya telah menyatakan bahawa tidak perlu ada negeri mempunyai State Civil Service sendiri, kerana ini merupakan warisan penjajahan di mana sebelum kita merdeka dahulu, negeri-negeri berkenaan itu mempunyai 'civil service'nya sendiri.

Oleh kerana Malaysia sudah pun merdeka bersama dengan Sabah dan Sarawak pada tahun 1963 dan merdeka pada tahun 1957, saya rasa bahawa sudah tidak konsisten lagi di mana negeri-negeri yang tertentu dibenarkan untuk mempunyai "civil service'nya sendiri. Dalam ucapan saya dahulu, saya terlupa hendak sebut Terengganu, Terengganu pun

culprit juga, dia juga mempunyai, minta maaf, own civil service. Oleh kerana itu, saya rasa dengan adanya pindaan 'secondment of officers' di mka surat 13, Perkara 29 Artikel 134, saya berharap bahawa Kerajaan Pusat serta Kerajaan Negeri di mana Kerajaan Negeri itu adalah di bawah pemerintahan Kerajaan Pusat, Kerajaan Barisan Nasional, saya ingin menyatakan di sini iaitu saya berharap Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri itu akan menggunakan Artikel ini untuk melumpuhkan civil service di masa-masa yang akan datang. Biar ada permintaan civil service di peringkat negeri. Biar Kerajaan Negeri membuat permintaan supaya beberapa pegawainya di'second' untuk menjadi District Officer di mana-manakah di peringkat-peringkat negeri.



Akhirnya, apabila belasan tahun secondment ini dibuat, maka State Civil Service akan lumpuh dan ini dengan secara legal dan secara tidak langsung akan mewujudkan satu civil service yang meluas iaitu kita tidak membenarkan negeri-negeri mempunyai State Civil Servicenya sendiri. Ini tidak ada kena mengena dengan Kementerian, cuma saya meminta kepada Kerajaan Pusat untuk menggunakan peruntukan ini di mana Kerajaan Negeri diminta supaya disecndkan officers ke peringkat negeri dan Kerajaan Pusat secondkan semua pegawai-pegawai di negeri yang mana disebut di sini iaitu soal remuneration, soal saraan akan dibayar oleh Persekutuan. Memang, Kerajaan Persekutuan sepatutnya membiayai saraan civil service ini dan akhirnya nanti Civil Service di peringkat negeri akan tidak wujud kerana semua pegawai-pegawai di negeri itu adalah pegawai-pegawai secondment daripada Kerajaan Pusat. Tuan Yang di-Pertua, itu soal pindaan yang berkenaan dengan "secondment of officers".

Yang ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah berkenaan dengan pindaan yang dibuat berkenaan dengan Artikel 40 dan 66. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kita menyokong Rang Undang-undang ini dengan tidak berbelah bahagi kerana dalam negara Malaysia kita ini, ia tidak ada dua Kerajaan. Cuma ada satu sahaja Kerajaan. Kerajaan ini ialah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat di mana Wakil-wakil Rakyat duduk di dalam Parlimen dan Wakil Rakyat yang terdiri daripada parti yang terbesar akan memilih Perdana Menteri dan Perdana Menteri inilah yang berkuasa untuk mentadbirkan negara.

Ini, Raja-raja kena tahu. Sebab kalau mereka ingin menyatakan bahawa mereka ini adalah Raja-raja yang absolute, itu adalah tidak benar dan dengan izin, 'it is a mist, it is not true', tidak betul kalau Raja memikirkan bahawa mereka mempunyai kuasa mutlak. Sebab kalau kita lihat dalam dunia kita ini di mana negara-negara yang mempunyai sistem Raja mutlak, ia tidak ada Parlimen. Brunei mana ada Parlimen. Ia sistem Raja mutlak, ia tidak ada Parlimen, ia tidak ada pilihanraya. Saudi Arabia juga mengamalkan sistem pemerintahan Raja mutlak. Ia tidak ada Parlimen, tidak ada pemilihan Wakil Rakyat, sebab itu dia Raja mutlak. Tetapi di Malaysia semenjak tahun 1955 kita ada pemilihan yang dibuat yang menunjukkan bahawa negara kita ini negara demokratik dan Raja tidak ada kuasa. Ini kita kena beri tahu, kita tidak boleh kata bahawa Raja ini ada kuasa. Ini kesilapan yang difaham oleh setengah-setengah parti Pembangkang kita. Semangat 46 keluar tidak mahu membahar soal ini seolah-olah kita ini merampas kuasa Raja. Raja tidak ada kuasa! Ini hakikat sebenarnya. Raja tidak ada kuasa kerana di Malaysia kita ini ada Parlimen. Parlimen ada pilihanraya untuk memilih Wakil Rakyat. Apabila ada Wakil Rakyat, Raja bukan lagi Raja mutlak. Ini kita kena tahu.

Sebab itu saya berasa hairan mengapa Semangat 46 keluar daripada Dewan seolah-olah apa yang kita hendak bahaskan ini sesuatu perkara yang kita hendak merampas kuasa Raja. Raja tidak ada kuasa! Siapa kata Raja ada kuasa, saya hendak tanya? Raja tidak ada kuasa. Selama ini kekeliruan ini berlaku kerana atas perkataan "on the advice of the Prime Minister". Ini yang dia ingat. Dia kata,

"kalau saya tidak ikut nasihat tidak apa, itu hak saya".

Sebelum saya pergi kepada perkara itu, saya pun berasa hairan macam mana, ada setengah-setengah parti Pembangkang mereka tidak mahu membincang. Mereka kata 'not enough time'. Saya hairan macam mana Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat, Rang Undang-undang yang begitu pendek ini hendak memerlukan masa yang lama untuk kita bincang. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri tahu saya baca pagi tadi sahaja. Saya dengar Wakil Rakyat dari parti Pembangkang membuat sungutan mengatakan mereka memerlukan masa lagi. Dia tidak belajarkah? Kalau ada sesuatu yang tidak disukai, bahas di dalam Dewan. Buat apa keluar Dewan? Kita hendak menyediakan Rang Undang-undang ini kita tidak perlu rujuk kepada **dia**. Perkara ini kita bincangkan dalam Parlimen. Kalau dalam Parlimen tak setuju, kata tak setuju! Tetapi kalau suara awak itu suara **minoriti**, janganlah bising. Jadi ini saya hendak kata, kalau ada pihak Pembangkang mengatakan tidak cukup masa, saya pun hairan. Mengapakah diperlukan masa yang panjang sangat untuk membaca perkara **ini**. This is straight forward, clear, Tidak perlu seminggu untuk kita mengkaji ini. Saya rasa kalau sesuatu itu dilakukan untuk lebih melicinkan pentadbiran, rakyat akan sokong kita. Apa yang hendak diperbesar-besarkan seolah-olah ini satu perampasan kuasa yang dibuat terhadap Raja dan kemudian tiada masa hendak membincangkan dengan rakyat. Kalau kita bagi dia sebulan, ingat dia hendak bincangkan dengan rakyatkah, saya hendak tanya? Kalau kita bagi sebulan untuk buat **ini**, apakah dia ada masa untuk pergi kepada **tiap-tiap** pengundinya untuk membincangkan perkara ini? Dan kalau

pengundinya hendak bincang kata "tidak setuju", dia bawalah dalam Parlimen katakan tidak setuju. Jadi, kalau dia ada tiga, empat kerat sahaja Wakil Rakyat di dalam Parlimen, janganlah bising, Jadi, tidak betul untuk Pembangkang untuk mengatakan bahawa masa tidak diberikan begitu cukup untuk membincang perkara ini. Tidak cukup apa? Satu hari sahaja boleh baca habis.

Saya merasa dukacita jikalau ada pihak-pihak Pembangkang mengatakan seolah-olah hendak menunjukkan apa yang dilakukan oleh Kerajaan ini:

- (i) seolah-olah ia hendak merampas kuasa daripada Raja; yang Raja memang tidak ada kuasa;
- (ii) kononnya kita tidak memberikan masa yang cukup kepada mereka. Saya ingat ini adalah tidak benar. Bagi sebulan pun dia tidak ada kesempatan berjumpa dengan seluruh rakyat yang mana dia menjadi wakil.

**Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

**Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa Semangat 46 bersama dengan PAS mendakwa bahawa Raja itu berkuasa. Tetapi bagaimana pemerintahan di negeri Kelantan? Adakah Raja itu berkuasa atau Nik Aziz itu sebagai Menteri Besar yang berkuasa? Tolong jelaskan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dalam hal ini PAS dengan 46 sudah mempunyai perbezaan pendirian sebab wakil Parlimen PAS yang hadir dalam Dewan Rakyat, sokong. Yang tidak sokongnya ialah 46. Kepada saya yang memerintah di Kelantan itu ialah PAS bukan 46 sebab 46 ini ia tumpang sahaja. Mengikut pandangan PAS ia menyokong Rang Undang-undang ini bermakna ia jelas menyatakan di negeri Kelantan rakyatlah yang memerintah. Sebab itu dia menyokong Rang Undang-undang ini. Itu jelas. Tetapi 46 ini ia lain sedikit. Saya tidak tahulah sama ada dia parti Raja atau tidak, saya tidak tahu. Tetapi dia keluar dan tidak mahu bincang, seolah-olah dengan mereka keluar itu akan membuatkan satu perkara yang begitu sensasi. Tetapi sebenarnya ia tidak sensasi tetapi lebih menunjukkan 'ignorant', dengan izin, mereka sendiri sebab mereka keluar daripada Parlimen, tidak mahu bincang atas asas bahawa seolah-olah kita ini merampas kuasa Raja, walhal Raja ini memang tidak ada kuasa dalam negara kita **ini**. Jadi, dengan izin, 'left on the wrong premise'. Itu silap besar. Jadi, saya tidak tahu sama ada mereka layak dipanggil Wakil Rakyat ataupun wakil Raja dalam Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap dengan soal Raja **ini**, kesilapan yang besar berlaku ialah kerana untuk menjadikan Perlembagaan kita ini berasaskan kepada pengalaman di United Kingdom. Jadi, dua perkara yang harus kita ingat. Pertamanya, di United Kingdom dia tidak ada Perlembagaan - 'there is no British Constitution'. Tidak ada.

Dia punya constitution ini tidak ada satu buku yang mana menyatakan Artikel ini atau Artikel itu - tidak ada, dengan izin, United Kingdom in Britain there is no constitution.

**Tuan Yang di-Pertua:** No written constitution.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** No written constitution. Constitution yang tertulis, yang-tertera - tidak ada. Dia cuma evolved pengalaman yang masa lepas, yang berlaku, precedent - itu yang dimaksudkan dengan constitution. Jadi, daripada segi itu pun ada perbezaan di antara Malaysia dengan Britain, sebab itu kita tidak boleh menggunakan pengalaman Britain untuk negara Malaysia kita. Sebab kita ada written constitution, dia tidak ada written constitution.

Dan kedua, asas constitution dia adalah their unwritten constitution - is based on the evolutionary experiences of the law in the past, dengan izin. Jadi, precedent semua ini, jadi pengalaman yang lepas itu menjadi the, unwritten constitution dia. Dan kita kena ingat perkembangan perundangan di England ratusan tahun dan dia sudah menjadi amalan turun-temurun walhal di Malaysia kita tidak ada sejarah perkembangan Perlembagaan dan undang-undang di negara kita sebelum tahun 1957. Sebab kita ada written constitution.

Jadi, pengalaman Britain yang hendak diletakkan kepada Perlembagaan Malaysia memang tak boleh pakai, sebab itu Raja tak faham perkataan 'on the advice'. Sebab soal 'on the advice'

ini tidak pernah berlaku dalam sejarah perkembangan undang-undang kita - perkataan 'on the advice'. Jadi, dia tidak faham, sebab kita tidak boleh gunakan in **toto** apa pengalaman United Kingdom ini hendak diletakkan kepada Perlembagaan di Malaysia, Kalau di England, kalau Raja Cak dengar cakap Parlimen - kita potong kepala. Tetapi takkan kita hendak potong kepala mereka di sini, because we cannot use the same experience. Tetapi hakikatnya King Charles yang lawan dengan Parlimen suatu ketika dahulu, kepala dia kena potong.

Jadi, kita tidak mahulah pengalaman itu yang tidak ada di dalam negara kita ini digunakan di Malaysia, sebab itu daripada awal lagi, it is a mistake, adalah menjadi kesilapan untuk menggunakan pengalaman perkembangan undang-undang dan Perlembagaan di United Kingdom untuk negara kita. Sebab itu, perlu kita memperjelaskan, oleh kerana kita telah buat perkataan 'on the advice'. Jadi, oleh kerana Raja tak faham, dia ingat dia ada kuasa, kita pun tak boleh marah kepada dia, sebab dia tak ada pengalaman yang masa lepas. Dia dok ingat masa yang lepas, sebelum merdeka dahulu, dia Raja - Raja yang ada kuasa, itu pun sebelum British masuk, selepas British masuk dia cuma boneka sahaja.

Jadi, dia rasa pengalaman dia masa lepas, sebelum dia jadi boneka di bawah penjajah, dia ada kuasa. Jadi, bila dia merdeka, penjajah keluar, dia rasa dia ada kuasa - sebab itu bila soal 'on the advice' oleh kerana tidak ada pengalaman lepas, dia rasa 'on

the advice' - cuma nasihat Perdana Menteri sahaja. Jadi, "kalau saya tak mahu dengar nasihat Perdana Menteri, saya buatlah undang-undang saya".

Ini kita tidak boleh marah kepada dia. Sebab dia tidak ada experience, kerana pengalaman Orang Putih ini dimasukkan untuk menggubalkan Perlembagaan kita. Sebab itulah perlu untuk dibuat penjelasan berkenaan dengan perkara ini kerana dia tak faham bahawa dia tidak ada kuasa dan kita tidak boleh salahkan dia pun - dia tak faham. Kerana dia tidak faham, oleh kerana itu kita perlu membuat penjelasan di sini kerana semangat Perlembagaan ini digubal sebelum kita merdeka dahulu ialah atas asas mereka merupakan Raja Berperlembagaan. Segala tingkah laku mereka itu dikawal oleh Perlembagaan, Mereka bukan lagi merupakan Raja yang "absolute". Ini kita kena jelas, sejelas-jelasnya.

Oleh kerana itu, perkataan 'on the advice' ini perlu diperjelaskan. Dan saya menyokong usaha Kementerian, usaha Kerajaan untuk memperjelaskan soal 'on the advice' ini kerana pertamanya, pengalaman Barat, pengalaman perkembangan undang-undang dan Perlembagaan di Britain tidak boleh dikenakan kepada kita kerana 'we do not have that tradition' - **one**, dengan izin.

Number **two**, ini menyebabkan Raja tak faham. Bila Raja tak faham, bukan Raja tak faham sahaja, setengah rakyat pun tak faham, bila mereka tak faham semangat **ini**, maka kita perlu meletakkan kembali Perlembagaan itu di atas landasan yang benar; oleh kerana



itu kita perlu perjelaskan iaitu 'on the advice', maknanya ialah tidak ada pilihan kepada Raja-raja sama ada mereka boleh menolak Rang Undang-undang yang telah pun dipersetujui oleh Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita dapat tahu juga bahawa ini perlu diperjelaskan, sebenarnya ada satu kesilapan yang telah dilakukan pada tahun 1983, kerana untuk kompromi pada tahun 1983 berkenaan dengan soal 'on the advice' ini, maka kita telah pinda Perlembagaan di mana apabila Parlimen melulus satu Rang Undang-undang, maka dalam masa 30 hari mesti diberikan kepada Agong. Kalau Agong tidak bersetuju, maka tolak balik kepada Dewan Rakyat dan Dewan Rakyat bersidang kembali - lulus Rang Undang-undang, serah balik kepada Raja dan dalam masa 30 hari kali kedua kita serah kepada **dia**, sudah menjadi undang-undang. Apa yang berlaku pada tahun **itu**, kita memberikan satu kuasa kepada Agong yang dia tidak pernah ada kuasa. Ini kesilapan yang berlaku dahulu.

Sebenarnya, dia tidak berhak untuk menolak Rang Undang-undang, sebab dia wakil siapa? Dia menjadi Agong itu siapa pilih dia? Rakyat pilihlah ataupun Perlembagaan yang menentukan. Jadi, oleh kerana dia tidak mewakili sesiapa, maka dia tidak ada hak untuk menolak sesuatu yang diputuskan oleh Parlimen yang mana majoriti Parlimen meluluskan perkara ini dan Parlimen adalah orang-orang yang dipilih oleh rakyat. Mana boleh dalam sesebuah negara, seorang rakyat maknanya seorang manusia boleh menolak keputusan yang telah

dibuat oleh majoriti wakil yang dipilih oleh rakyat, mana boleh? Kita ada 18 juta rakyat, sebagai maknanya pukul rata kita katalah mungkin Pembangkang mewakili 20% daripada 18 juta, jadi kalau 10% - 1.8 juta, 20% katalah ini bukan betul pun, sebab pengundi kurang daripada 18 juta, jadi katalah Pembangkang represent 20% Government represent 80%. Agong represent siapa? Dia tidak ada represent sesiapa, dia represent dia seorang sahaja.

Kalau 80% of 18 million katakan - katalah dalam 16 juta, adakah logik Parlimen yang mewakili 16 juta orang melulus satu Rang Undang-undang, maka satu orang manusia, dia seorang sahaja, dia mewakili dia sahaja - boleh tolak Rang Undang-undang - saya ingat ini not democratic. This is very undemocratic, sebab itu kita hendak per-jelaskan di sini bahawa Raja tidak ada hak untuk menolak sesuatu yang telah diputuskan oleh rakyat. Pembangkang kena ingat, dia pun Wakil Rakyat, dia bukan wakil Raja! Semangat 46 - 7 orang yang jadi Wakil Rakyat dalam Dewan Parlimen itu, dia bukan dipilih oleh Raja, dia dipilih oleh rakyat! Dia kena ingat ini, sebab itu kepentingan rakyat harus diletak atas daripada kepentingan Raja. Ini Wakil Rakyat Semangat 46 kena ingat!

Perkara yang pokok di sini ialah bahawa Raja tidak ada kuasa. Hari ini tanggungjawab dan tugas dia yang saya nampak jelas hanya dua perkara sahaja - untuk menentukan Hari Raya (nampak bulan) dan keduanya, untuk beri Darjah - itu sahaja! Lebih daripada itu rakyat memilih wakil mereka untuk menentukan pentadbiran harian yang berlaku dalam negara kita. Jangan silap! Ini kita hendak tegaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa tidak ada kuasa kepada Raja-raja melainkan kepada rakyat yang telah memilih wakil mereka dalam Dewan Undangan Negeri dan juga dalam Parlimen. Sebab itu, kalau tidak mahu membahar Rang Undang-undang ini semata-mata kerana alasan bahawa kita mengurangkan kuasa Raja - itu adalah kesilapan besar kerana Raja tidak pernah ada kuasa semenjak kita merdeka pada tahun 1957.

Tuan Yang di-Pertua, kita dengar di antara sebab mengapa kita perlu untuk meminda Perlembagaan ini ialah kerana Perlembagaan yang ada sekarang ini di bawah Artikel 66, pertamanya, itu silap, sebab apabila Rang Undang-undang dilulus oleh Parlimen, maka tidak siapa boleh menolak kembali ataupun mempertikaikan, sebab Parlimen itu supreme. Jadi, untuk memperbetulkan suasana ini, maka perlu untuk kita meminda Perlembagaan. **ini**. Kita dengar juga iaitu bahawa sistem yang ada sekarang ini di bawah Perlembagaan sekarang ini, ia melambatkan pentadbiran. Maknanya prosesnya itu, Parlimen bersidang, kemudian selepas Parlimen bersidang, hantar kepada Agong. Agong jika dalam tiga puluh hari tidak setuju atau sebagainya, tolak balik. Bila tolak balik, panggil balik Parlimen bersidang semula - panggil semata-mata untuk bincang ini sahaja dan lulus balik, tolak balik kepada Agong, dan kalau Agong tidak tahu atau tidak mahu sign dalam masa 30 hari baru selesai. Maknanya daripada tarikh yang pertama kita lulus Rang Undang-undang ini mungkin memakan masa tiga bulan baru ianya menjadi satu undang-undang.

Jadi, tiga bulan, masanya lama. Tiga bulan ialah suku tahun. Kita terpaksa melaksanakan sesuatu perkara yang memerlukan kepada undang-undang untuk membantu rakyat biasa. Sebab itu kita harus memudahkan proses ini supaya perkara-perkara yang urgent dan penting yang hendak dilakukan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin. Sebab itu kita kena pinda Rang Undang-undang ini di mana kita perjelaskan soal 'Yang di-Pertuan Agong to act on the advice' iaitu bahawa Agong tidak ada kuasa, dan keduanya dalam 30 hari sama ada Baginda setuju atau tidak setuju, benda ini akan jadi undang-

undang. Jadi, cepat. Makna kita boleh melaksanakan sesuatu untuk rakyat kita, untuk kepentingan rakyat biasa, dapat dipermudahkan dan dipercepatkan dengan kita meminda Perlembagaan pada hari **ini**.

Keduanya, saya juga telah difahamkan bahawa kadangkala hendak menurunkan tandatangan ini, ia menjadi satu perkara yang mana orang yang berkenaan boleh meminta sesuatu daripada Kerajaan. Jadi kadangkala - saya tidak mahu menyebut personality, kadangkala mungkin boleh berlaku di mana sengaja dilewat-lewatkan tandatangan **ini**, kerana ada sesuatu yang dia mahukan. Apabila lewat, maka kita terpaksa berjumpa dengan dia, "ini apa pasal lewat?" Dia pun buat lembek, buat slow sebab ada benda yang dia hendak. Jadi, tidak sepatutnya di mana penurunan tandatangan ini digunakan sebagai satu 'bargaining power' untuk individu tertentu mendapat sesuatu daripada Kerajaan, Saya percaya ini berlaku, sebab itu kita tidak tahan. Saya hendak bertanya apakah Kerajaan atau Parlimen mahu meminda Perlembagaan kalau perkara ini tidak berlaku? Macam-macam berlaku tidak perlu kita sebutlah. Kadangkala kalau satu Rang Undang-undang itu kalau kita hendak percepatkan ia menjadi satu undang-undang, kita terpaksa pujuk pula. Walhal dia kena turun tandatangan - kena pujuk, hendak **apa**, kita beri. It is wrong, salah. Untuk menggunakan penurunan tandatangan ini untuk mendapat sesuatu untuk kepentingan **diri** individu tertentu.

Sebab itu saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana memberanikan **diri** dan menyata hakikat sebenarnya iaitu bahawa dalam hal pentadbiran negara kita **ini**, Kerajaan Malaysia yang dipilih oleh rakyat, inilah Kerajaan yang sebenarnya yang berkuasa dan tidak ada Kerajaan-kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, atas hujah-hujah yang telah saya sebutkan sebentar tadi, saya ingin menyatakan bahawa memang tepat, memang patut Perlembagaan ini dipinda. Saya telah pun menyebutkan beberapa perkara untuk menyokong Rang Undang-undang ini, dan sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah sekali lagi meletakkan kepentingan rakyat di atas segala kepentingan. bagi kita untuk meminda Rang Undang-undang ini ialah untuk melicinkan perjalanan pentadbiran Kerajaan kita supaya tidak lagi terganggu dalam kita hendak melaksanakan undang-undang untuk kepentingan rakyat pada umumnya. Sekali lagi saya berdiri untuk menyatakan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud.

4.25 ptg.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir-Rahmanir-Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Perkara Pindaan Perlembagaan Persekutuanyang dibentangkan pada petang ini jelas menyentuh kedudukan Raja-raja kita terutama mengenai Perkara 66. Di bawah pindaan ini, Raja-raja Melayu bukan lagi diberi nasihat, tetapi menerima arahan Perdana Menteri kerana setiap nasihat mesti dipatuhi. Ini dibuktikan apabila Perkara 66 yang sebelum ini membolehkan Yang di-Pertuan Agong memainkan fungsi sebagai pengimbang 'check and balance', dengan izin, dimansuhkan. Hak Yang di-Pertuan Agong menghantar semula Rang Undang-undang yang difikirkan tidak sesuai untuk dipertimbangkan semula ke Dewan Rakyat dan ke Dewan Negara dimansuhkan oleh pindaan ini. Oleh itu, apa sahaja kehendak Perdana Menteri yang menguasai kedua-dua Dewan sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara tidak mungkin dapat

diperbaiki oleh sesiapa lagi. Langkah ini nampaknya telah meletakkan Perdana Menteri lebih berkuasa dan lebih besar daripada Yang di-Pertuan Agong dalam sistem pemerintah negara kita.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma dua perkara saya hendak bertanya. Pertamanya soal arahan. Dengan Raja kita, kita tak arah, kita nasihat. Saya hendak tanya soalan pertama, kalau Yang Berhormat kata 'raja tidur' Yang Berhormat kata raja apa dan kalau 'raja makan' raja apa, itu pertama? Kedua, saya hendak bertanya, Perdana Menteri dipilih oleh rakyat ataupun dia berkuasa menerusi satu sistem yang lain daripada demokrasi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Perlantikan.....

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Terima kasih Datuk Haji Mohamed Nazri, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun suratannya Yang di-Pertuan Agong masih dikira sebagai sebahagian daripada Parlimen, tetapi dengan tiada kuasa pengimbang ataupun 'check and balance' tadi, maka Parlimen sekarang seperti tinggal Dewan Rakyat dan Dewan Negara sahaja.

Dari segi semangatnya Parlimen selama ini, Yang di-Pertuan Agong adalah satu daripada tiga bahagian Parlimen, iaitu Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Yang di-Pertuan Agong. Apakah keputusan Kerajaan dengan meminda Perlembagaan ini bijak atau sebaliknya dalam sebuah negara yang masyarakatnya majmuk, Jawapannya, akan jelas dibuktikan dalam masa 30 atau 50 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, atas alasan di atas, saya mengambil keputusan untuk menentang pindaan Perlembagaan ini, Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali.

**4.28 ptg.**

**Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali:** Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Undang-undang kerana telah membentangkan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) dan juga terima kasih tambahan kerana sentiasa bertanggungjawab membentangkan apa-apa sahaja undang-undang yang berkaitan dengan Kementeriannya dengan tidak mewakilkan orang lain. Inilah sebagai satu contoh yang baik yang seharusnya dicontohi dan diikuti oleh Menteri-menteri yang lain.

Saya suka memperkatakan dalam Perkara 40(1A) dan dalam Perkara 66(4A). Dengan pindaan ini bererti Kerajaan telah menunaikan kehendak rakyat dan Raja.

Pindaan ini juga telah menunjukkan bahawa Kerajaan telah menunaikan tanggungjawab untuk meletakkan martabat Raja dan martabat rakyat di tempat yang sebenar-benarnya dan juga menempatkan kedaulatan rakyat dan kedaulatan Raja di tempat yang sebenarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk sebentar. Menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad untuk mempengerusikan Mesyuarat.

[Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuaa Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, sila teruskan.

**Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali:** Terima kasih. Pindaan ini juga mempunyai pengertian yang amat bernilai, iaitu nilai menuju ke arah demokrasi yang tulen yang sepatutnya sudah lama diamalkan di negara **ini**, yang mengamalkan sistem pilihanraya bagi menentukan sesebuah Kerajaan. Oleh kerana Kerajaan ditentukan oleh rakyat, maka Raja sudah seharusnya mengikuti nasihat dan kehendak rakyat, maka pindaan Perlembagaan ini menepati kehendak yang saya sebutkan tadi.

Kita selaku seorang rakyat dalam sebuah negara yang sejahtera seharusnya sedar dan menghayati pergolakan dan perkembangan sejarah dunia di Malaysia, seperti mana yang pernah berlaku, mana-mana Kerajaan yang tidak mematuhi kehendak rakyat, Kerajaan dan negara akan menghadapi kehancuran. Mana-mana raja di dunia ini yang tidak akur dan menghorraati rakyat, lazimnya akan menerima akibat dan ditimpa bencana.



Dengan pindaan ini menunjukkan bahawa tanggungjawab rakyat yang telah menyerahkannya kepada Kerajaan telah dapat dijalankan dengan sebaik mungkin. Oleh itu Raja dan rakyat semestinya memahami perasaan dan kehendak di antara satu sama lain. Pindaan ini juga merupakan kematangan Kerajaan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat. Maka munasabahlah Kerajaan Barisan sebagai sebuah Kerajaan yang adil dan bijaksana dapat mengekalkan peraerintahan kerana apa yang saya sebutkan tadi memahami kehendak Raja dan rakyat.

Saya amat tertarik hati dengan apa yang telah diperkatakan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Senator Mohd. Zain tadi, apa yang diperkatakan sebagai kehendak Perdana Menteri - kita mesti memahami bahawa Perdana Menteri mewakili rakyat. Apa-apa yang dinasihatkan oleh Perdana Menteri merupakan nasihat dan kehendak rakyat dan kuasa pengimbang adalah Parlimen bukanlah individu, kerana di Parlimenlah undang-undang itu digubal dan diluluskan. Maka amat wajar pindaan ini disokong, dan saya dengan penuh jujur, ikhlas dan penuh keinsafan selaku seorang rakyat yang bertanggungjawab memahami kehendak tersebut - dengan ini menyokong sepenuhnya pindaan Perlembagaan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah Baheran.

#### **4.35ptg.**

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1994 ini dan seterusnya menyokong Akta Pindaan ini.

Pertamanya, saya ingin menyentuh berkenaan sistem demokrasi Berperlembagaan. Pada 18hb, 19hb dan 10hb Januari yang lalu, rakyat diberi pilihan untuk membicarakan hal ehwal secara kritis, sinis dan kritikal dengan niat meningkatkan darjat dan martabat istana. Pindaan tersebut juga telah menjelaskan sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia di bawah Perlembagaan Negara supaya serasi dengan inspirasi sosial dan masyarakat. Pindaan tersebut juga menandakan kejayaan kuasa rakyat wajar menghakimi perilaku Raja-raja yang tidak berasaskan adab dan susila, termasuk melanggar undang-undang negara yang dicipta oleh rakyat dan direstui oleh negara. Selaras dengan pindaan tersebut, adalah wajar pindaan ini menukarkan perkataan "Mahkamah Agung" kepada "Mahkamah Persekutuan" yang lebih melambangkan sistem demokrasi berparlimen. Perlembagaan kita adalah lambang kebebasan, kesungguhan dan komitmen kita kepada 'rule of law' dan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan "Mahkamah Agung" kepada "Mahkamah Persekutuan" dan "Mahkamah Rayuan", peruntukan penubuhan Mahkamah Rayuan di bawah Fasal 13, saya ingin menambah, sejak kita menamatkan rayuan kes ke Privy Council, kita telah kehilangan satu lagi avenue ataupun peluang untuk membuat rayuan. Ini merupakan satu kehilangan besar kepada seseorang pesalah (litigant) yang telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi. Jika didapati bersalah, hanya mempunyai satu peluang sahaja untuk merayu iaitu terus ke Mahkamah Agung dan keputusan Mahkamah itu muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah Rayuan ini boleh berfungsi sebagai satu, middle court, dengan izin, yang akan memberikan setiap pesalah dua peringkat untuk merayu ataupun kesnya diimbas dan

diperingkat dua kali sebelum menjalani hukumannya. Sistem panel rayuan yang dua peringkat ini adalah merupakan sistem pengadilan yang lebih adil, yang lebih prihatin kepada konsep, human rights, dengan izin. Sistem rayuan dua peringkat ini akan memberi peluang kepada Hakim untuk berfikir kembali 'merit case' itu selepas rayuan pertama dan sebelum rayuan terakhir. Sekarang, kes yang sampai ke Mahkamah Supreme, yang selepas menjatuhkan hukuman tertinggi, suatu keterangan penting adalah konsep Kehakiman kita, better for a guilty man to escape than to let an innocent man to be found guilty, dengan izin. Mahkamah Rayuan ini juga akan mengurangkan jumlah kes yang akan didengar oleh Mahkamah Persekutuan dan dengan ini akan menyelesaikan masalah backlog kes-kes yang mengambil masa yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penubuhan satu akademi undang-undang sebagai langkah yang wajar memandangkan Majlis Peguam Malaysia yang ada sekarang tidak mempunyai infrastruktur atau wahana untuk meningkatkan tahap amalan guaman di negara ini. Beberapa aspek amalan guaman telah terabai dan profesion guaman dalam bentuknya sekarang daripada segi pengetahuan dan pentadbiran masih amat lemah. Keadaan ini diburukkan lagi oleh pertambahan jumlah Peguam yang terdapat di pasaran. Oleh itu, satu skim latihan sokongan diperlukan untuk mengimbangi pertambahan ini. Akademi ini diharapkan dapat mengendalikan tingkat dan taraf pengamal guaman yang layak mengendalikan kes Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Federal. Garis panduan yang teratur diperlukan bagi mengamal guaman yang mahir dan berpengalaman supaya boleh mengendalikan kes-kes tertentu kerana ia melibatkan wang rakyat dan sebagai rakyat, mereka berhak untuk mendapatkan perkhidmatan yang setimpal dengan bayaran dan perkhidmatan daripada seorang peguam. Akademi ini juga akan mewujudkan forum yang membincangkan isu-isu berhubung dengan pembangunan profesion guaman termasuk Kehakiman dan Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Peguam Malaysia yang merupakan Jawatankuasa Tertinggi badan Peguam yang sering dipersoalkan kredibilitinya sejak kebelakangan ini yang membenarkan badan itu membuat pendirian yang agak kritikal, bersifat politik dan mengkompromikan mutu dan wibawanya. Majlis Peguam adalah diberikan kebebasan sebagai badan berkaitan dengan pengamal guaman tetapi kebebasan ini mestilah untuk memperjuangkan isu perundangan dan masa depan para peguam tetapi sebaliknya ia mula campur tangan dengan urusan pentadbiran negara.

Contoh, INSAF - keluaran Disember 1981 yang berjudul "The Mahathir Administration and Malaysian Bar". Pengarangnya menyuarakan pandangan, keraguan serta tidak bersetuju dengan beberapa pendapat pihak pentadbir. INSAF juga pada Ogos 1983 dalam rencana "Further Erosian Fundamental Rights" menyuarakan kesal dengan tindakan Kerajaan berhubung dengan cadangan pindaan bill Akta Profesion Undang-undang 1983 kerana ia tidak dirujuk kepada Majlis tersebut. INSAF keluaran Februari 1985, Lidah Pengarang mengatakan rasa kesal dengan kenyataan Perdana Menteri yang menyifatkan para peguam sebagai burung kering.

Kajian menunjukkan perhubungan dan perjuangan Majlis Peguam dalam membantah dan mengecam tindakan Kerajaan bermula dari awal tahun 1980 lagi. Pertamanya, semasa isu Akta Keselamatan Dalam Negeri iaitu ISA, Operasi Lalang, Akta Profesion Undang-undang, Akta Mesin Cetak, kes pemecatan bekas Ketua Hakim Negara, isu pindaan

Perlembagaan dan reformasi Majlis Peguam.

Majlis ini menurut Akta Profesion Undang-undang 1976, objektifnya ialah untuk menjaga kepentingan peguam memelihara keadilan dengan mengenyepikan kepentingan diri, memberi pandangan mengenai perundangan apabila diminta berbuat demikian, menjaga perhubungan baik dengan pihak terbabit dalam pentadbiran undang-undang dan kehakiman, melindungi dan membantu orang awam dalam perkara berkaitan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, keyakinan rakyat terhadap Majlis ini agak tipis sejak 6 tahun yang lalu. Mereka mulai tidak faham dengan pendirian dan perjuangan Majlis ini kerana telah menyimpang jauh dari landasan dan asas penubuhannya. Proses reformasi Majlis ini penting untuk mengembalikan keyakinan masyarakat terhadap Majlis Peguam yang mendakwa diri mereka memperjuangkan hak asasi dan sistem perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangat bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Datuk Nazri dan juga rakan saya sebentar tadi bahawa nasihat tidak boleh lagi disalahertikan oleh pihak istana kerana nasihat ini mesti dibuat selaras dengan peruntukan Perlembagaan iaitu bererti Perlembagaan tidak pernah berhasrat memberikan kepada Raja-raja untuk menolak kehendak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang dihadapkan di mahkamah yang melibatkan peguam menyelewengkan wang atau meninggalkan pelanggannya juga sudah bertambah. Setakat ini, sekurang-kurangnya terdapat 17

kes di mana peguam dipecat dan 16 orang lagi digantung perkhidmatannya kerana melakukan pelbagai kesalahan melibatkan wang pelanggan antara tahun 1986 hingga 1989. Ini tidaklah termasuk ribuan kes aduan terhadap golongan profesional ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Jamaludin** **bia** **Haji Ahmad:** Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

4.44 ptg.

**Puan Kian Sit Har:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana saya diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1994.

Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim mengatakan bahawa pindaan Perlembagaan tersebut sebenarnya bertujuan untuk memperkukuhkan lagi serta menjelaskan sistem Raja Berperlembagaan, Demokrasi Berparlimen dan prinsip keutuhan undang-undang.

Di samping itu, pindaan Perlembagaan juga telah menetapkan etika-etika yang perlu dipatuhi oleh hakim-hakim, menghendaki hakim-hakim di negara kita mempunyai kebolehan yang tinggi dalam pentadbiran serta berkaliber tinggi, untuk menghakamkan. Dengan pemindaan tersebut, diharap imej hakim-hakim dapat ditinggikan dalam kebebasan kehakiman, dapat diperkukuhkan juga badan-badan kehakiman

yang berkaliber rendah yang hanya menjadi patung atau lambang sahaja dan tidak mampu menjalankan tugas dengan berkesan untuk mengawasi pihak pentadbiran Kerajaan di bawah konsep demokrasi.

Kita menjunjung tinggi sikap dan pendirian Kerajaan yang teguh dan kukuh dalam rusuhan akibat pindaan Perlembagaan itu. Kita juga harap pindaan Perlembagaan akan memperkukuhkan sistem Raja Berperlembagaan dan merealisasikan konsep politik demokrasi. Kita amat inginkan negara kita dibina atas dasar sistem politik, keadilan, kekitaan yang berpanjangan.

Pindaan Perlembagaan pada prinsipnya membolehkan rakyat menikmati hak dan kepentingan yang lebih luas lagi serta juga mengawasi keadaan pentadbiran Kerajaan. Kita merasa gembira kerana Raja-raja kita tetap dihormati dan disayangi rakyat. Walau bagaimanapun, kita khuatir kekebalan bukan sahaja tidak dapat ditindas melalui proses mengimbangi kuasa tetapi sebaliknya ia beralih kepada pihak Eksekutif. Justeru itu, perbezaan di antara cita-cita dan realiti tetap wujud khususnya dalam proses pelaksanaan yang amat mudah dipengaruhi pandangan-pandangan objektif dari keadaan semasa.

Dalam kata lain, demokrasi akan tetap kekal sebagai cita-cita sahaja sekiranya peruntukan undang-undang yang adil dan saksama tidak dilaksanakan semasa mengikut peraturan yang ditetapkan ataupun dilaksanakan dengan double standard, dengan izin, walaupun Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1994 tidak menceroahi hak Raja-raja dan kehakiman tetapi tidak syak lagi telah

memperuntukkan kuasa yang lebih besar kepada pihak Eksekutif.

Kita perlu merasa khuatir terhadap perkara ini kerana penyalahgunaan kuasa akan menjejaskan kebebasan sebaliknya pula. Kuasa yang tidak cukup juga mendatangkan masalah, misalnya di negara Britain, polisi gaji, revolusi perusahaan serta matlamat pembangunan ekonomi telah mengalami kegagalan. Ini merupakan satu contoh yang baik. Kerajaan yang tidak mempunyai kuasa yang cukup akhirnya tidak dapat mencapai matlamatnya. Permintaan kita terhadap sistem politik sepatutnya tidak melebihi kemampuan Kerajaan untuk membuat reaksi dengan berkesan. Politik demokrasi menjanjikan pemerintahan dengan tindakan minimum. Oleh yang demikian, keyakinan, kepercayaan, kesetiaan dan ketaatan rakyat amat diperlukan untuk penggubalan dan pelaksanaan polisi.



Justeru itu, kita perlu memperluaskan lagi usaha pendidikan supaya rakyat mempunyai pengertian politik yang lebih matang. Di samping itu Kerajaan perlu mempertingkatkan lagi transparency, dengan izin, pelaksanaan polisi supaya rakyat lebih yakin terhadap Kerajaan dan seterusnya memberikan sokongan yang lebih kuat lagi kepada Kerajaan. Tidak syak lagi Kerajaan kian menghalu ke demokrasi, ini adalah selaras dengan perkembangan semasa.

Pindaan Perlembagaan kali ini membolehkan negara kita mengambil satu lagi langkah ke arah demokrasi tetapi kita tidak harus bongkak atas pencapaian kecil ini. Sebenarnya, Perlembagaan negara kita masih belum mencapai tahap perfect, dengan izin, walaupun pindaan Perlembagaan kali ini merupakan hasrat rakyat tetapi hasrat rakyat bukan setakat ini sahaja. Saya harap pemimpin-pemimpin negara dalam usaha merealisasikan masyarakat demokrasi dan matang, mempunyai moral dan keberanian yang cukup untuk membuat lebih banyak lagi perubahan demi mewujudkan sebuah Malaysia yang serba sempurna.

Akhirnya, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1994 diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon.

#### **4.53 ptg.**

**Dr. Toh Kin Woon:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian serta menyokong Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan berkait dengan kuasa perkenanan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan penyusunan semula sistem kehakiman negara kita.

Sejak kemerdekaan, Malaysia telah mengamalkan suatu struktur politik pentadbiran dan kehakiman yang berasaskan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Di bawah sistem yang dikepalai oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini terdapatnya tiga bahagian pelaksanaan Kerajaan iaitu Perundangan, Eksekutif dan Kehakiman.

Salah satu daripada tugas utama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah memperkenankan Rang Undang-undang yang dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda setelah diluluskan oleh kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Perkenanan ini dijangka diberikan secara automatik oleh kerana Rang Undang-undang yang dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dikaji dan dibincangkan dengan teliti oleh Dewan Rakyat yang mewakili suara rakyat dan Dewan Negara. Kegagalan memperkenankan Rang Undang-undang oleh Seri Paduka Baginda akan bererti kehendak majoriti rakyat dikecewakan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kes-kes ketidak memberi perkenanan kepada Rang Undang-undang jarang sekali berlaku dalam masa yang lepas, namun adalah masih betul dari segi prinsip demokratik untuk memuktubkan ke dalam Perlembagaan peruntukan bahawa apabila perkenanan diminta bagi Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen, maka perkenanan itu harus diberi dalam tempoh 30 hari dan jika perkenanan ini tidak diberikan dalam tempoh yang ditentukan maka Rang Undang-undang itu hendaklah menjadi undang-undang apabila habis masa yang ditentukan seolah-olah Seri Paduka Baginda telah memperkenannya.

Pindaan ini akan memastikan bahawa hubungan yang dikehendaki antara institusi-institusi Eksekutif dan Perundangan di satu pihak dan pihak Raja di pihak yang satu lagi dapat ditulis dengan lebih jelas dalam Perlembagaan negara kita. Pindaan-pindaan ini akan menyingkirkan apa juga keraguan yang mungkin masih wujud tentang apa pihak Raja perlu buat apabila Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Raja.

Masa 30 hari yang diberikan untuk memperkenankan adalah memadai bagi Seri Paduka Baginda mengkaji dengan teliti apa jua Rang Undang-undang sebelum memperkenankannya. Sebarang tempoh yang melebihi sebulan mungkin akan melambatkan proses menggubal undang-undang yang seterusnya akan menghalang kemajuan dan pembangunan negara. Saya rasa adalah betul juga dari segi prinsip demokratik, memuktubkan ke dalam Perlembagaan peruntukan yang mengatakan:-

"Jika Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dikehendaki bertindak mengikut nasihat, atas nasihat atau selepas menimbang nasihat, Seri Paduka Baginda hendaklah menerima dan bertindak mengikut nasihat itu".

Saya berpendapat pindaan ini adalah betul dari segi prinsip demokratik oleh kerana nasihat yang diberikan oleh Kerajaan adalah nasihat yang diberikan bagi pihak rakyat. Sekiranya kehendak majoriti ingin dilaksanakan dan ini merupakan asas demokrasi, maka adalah jelas nasihat Kerajaan hendaklah diikuti oleh Seri paduka Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, adanya setengah pihak yang telah menghujahkan bahawa salah satu daripada ciri demokrasi berparlimen yang penting ialah bukan sahaja kehendak majoriti harus dihormati tetapi mesti

terdapatnya satu sistem 'checks and balances', dengan izin, khasnya ke atas bahagian-bahagian Eksekutif dan Perundangan oleh institusi-institusi kuasa yang lain supaya dapat mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh bahagian-bahagian Kerajaan ini.

Kami setuju perlu adanya satu sistem 'checks and balances' ini dan memang sistem ini tetap ada walaupun selepas berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan pun. Kita mempunyai Dewan-dewan Parlimen yang akan mengkaji Rang Undang-undang dengan teliti dan kritikal. Kita juga mempunyai suatu sistem kehakiman yang akan terus memainkan peranan menginterpretasi dengan bebas undang-undang yang telah diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen,

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai suatu 'check' lagi, dengan izin, yang terletak di tangan rakyat. Rakyat boleh melalui kuasa peti undi membuat tafsiran atau penilaian terhadap prestasi parti pemerintah dalam tempoh empat lima tahun ianya memegang teraju Kerajaan. Penyalahgunaan kuasa, jika ada, sudah tentu tidak akan ditoleransikan oleh rakyat yang sudah tentu akan menggunakan kuasa yang ada pada mereka untuk menjatuhkan parti pemerintah dalam pilihan-raya umum. Jadi, ancaman akan kalah atau mungkin kalah. dalam pilihan-raya umum sekiranya terdapat penyalahgunaan kuasa secara berleluasa pada hemat saya merupakan suatu "check" yang paling penting yang masih wujud di negara kita.

Justeru, soal sistem 'checks and balances', dengan izin, dilemahkan akibat kelulusan kepada pindaan-pindaan Perlembagaan Persekutuan ini langsung tidak timbul. Walaupun demikian, saya setuju dengan

rakan tadi yang mengatakan bahawa transparency Kerajaan harus dipertingkatkan lagi supaya keyakinan rakyat terhadap Kerajaan akan dipertingkatkan lagi.

Di negara-negara di mana sistem yang sama telah lama wujud seperti di United Kingdom, perkenan DiRaja mengikut tradisi telah dan dijangka akan terus diberikan. Hak untuk tidak perkenan wujud hanya dalam teori sahaja tetapi jarang malah tidak pernah dan dijangka tidak akan digunakan. Di negara kita ini kita cuma hendak formalise, dengan izin, hubungan di antara institusi Perundangan dan Eksekutif pada satu pihak dan institusi Raja di pihak yang satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong langkah menubuhkan suatu lapisan tambahan di dalam sistem Kehakiman negara kita.

Saya merujuk kepada langkah menubuhkan satu Mahkamah Rayuan. Dengan adanya Mahkamah Rayuan **ini**, maka sistem kehakiman negara kita akan mempunyai pada sebelah atasan tiga lapisan dan tidak setakat dua sahaja iaitu Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Ini bererti kes-kes undang-undang akan dikaji dengan lebih **teliti** oleh hakim-hakim negara kita supaya memastikan keadilan, tidak sahaja "it seems to be done, but it's also done", dengan **izin**. Mudah-mudahan ke wujudan Mahkamah Rayuan akan meminimumkan, dengan **izin**, "miscarriage of justice". Sebenarnya, langkah mewujudkan Mahkamah Rayuan sudah "long overdue", khasnya sejak rayuan-rayuan kepada Privy Council dihentikan lama dahulu.

Kewujudan satu Mahkamah Rayuan dengan ini akan membolehkan bilangan saluran rayuan yang sama seperti yang wujud pada masa rayuan kepada Privy Council dibenarkan. Ia merupakan satu langkah yang harus kita alu-alukan. Selain daripada membenarkan kajian yang lebih **teliti** dan mendalam sebelum keputusan di sisi undang-undang dibuat, penubuhan Mahkamah Rayuan kita sendiri adalah selaras dengan status kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Amalan dahulu di mana rayuan-rayuan ke Privy Council adalah ketinggalan zaman dan tidak selaras dengan status kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Ianya akan juga

merangsang pembentukan dan kemajuan "common law" kita sendiri setelah mengambil kira tradisi-tradisi, adat resam dan nilai-nilai masyarakat kita sendiri.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi, saya ingin menyuarakan sokongan saya untuk pindaan-pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad.

### **5.03 ptg.**

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk turut sama berbahas di atas pindaan Perlembagaan yang dibentangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai kepercayaan dan keyakinan, pindaan Perlembagaan ini akan dapat menghayati kehendak-kehendak negara Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi dan Raja berperlembagaan. Dan saya berharap dengan pindaan ini, semua perkara-perkara tempoh hari yang telah menimbulkan pertikaian akan dapat diselesaikan dengan penuh bijaksana untuk kepentingan Raja-raja dan juga untuk kepentingan rakyat di negara yang bertuah ini.

Saya juga amat menjunjung tinggi di atas satu kepercayaan yang telah diberi kepada Perdana Menteri selaku Penasihat yang boleh menasihatkan pihak-pihak yang berkenaan untuk menerima sesuatu keputusan yang telah diluluskan oleh Persidangan Parlimen dan juga yang telah diluluskan oleh Sidang Dewan Negara. Dengan adanya

kebijaksanaan ini akan dapat meyakinkan sesuatu yang telah diperkenankan akan dapat kita selesaikan dengan penuh bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan terhadap penambahan satu lagi sistem kehakiman di negara kita iaitu sistem Mahkamah Rayuan. Dan saya mempercayai kewujudan mahkamah ini akan memberi banyak lagi peluang kepada rakyat Malaysia menuntut hak-hak mereka dari segi kehakiman. Saya menaruh keyakinan pihak-pihak yang bertanggungjawab yang telah diberi kepercayaan akan dapat menunaikan tanggungjawab mereka dengan penuh bijaksana untuk menentukan sesuatu keadilan wujud di negara kita **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Fasal 122B(b)(1) yang ada kaitan dengan nasihat dan rundingan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah yang dimaksudkan dengan satu paragraph yang berbunyi "... selepas berunding dengan Majlis Raja-Paja". Saya ingin mendapat penjelasan, adakah takrifan di **sini** menunjukkan bahawa Majlis Raja-raja ada diberi hak untuk menolak atau menerima sesuatu yang telah diperkenankan setelah mendapat nasihat daripada Perdana Menteri. Saya agak masalah atau perkara yang ditimbulkan ini akan dapat penjelasan yang khusus daripada Perdana Menteri kerana kita takut bila bidang ini dikuatkuasakan nanti timbul lagi perkara-perkara yang lazimnya ditimbulkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Kod Etika Hakim yang dibawa untuk diperbahaskan pada hari **ini**. Saya amat mengalu-alukan kewujudan kod etika ini yang mana saya



memahami ini akan dapat menjamin keyakinan rakyat bahawa sentiasa wujud keadilan dalam apa jua keputusan yang diputuskan oleh pihak mahkamah. Dan juga saya berkeyakinan rakyat akan tidak mempertikaikan lagi terhadap keluhuran Perlembagaan yang wujud di negara kita dengan pihak-pihak yang menentukan atau membuat satu-satu keputusan dengan kewujudan kasta-kasta hukuman oleh hakim-hakim di negara kita. Saya percaya dengan kewujudan kod etika **ini**, rakyat tidak akan mempertikaikan lagi hak dan keupayaan hakim-hakim dalam menentukan sesuatu keputusan.

Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa kod etika ini hendaklah dipatuhi, tetapi kemungkinan jika sekiranya terjadi, kod etika ini tidak dipatuhi oleh pihak-pihak yang berkenaan, bidang kuasa manakah yang akan diguna oleh Kerajaan untuk memperbetulkannya supaya semua hakim-hakim akan patuh kepada kod etika yang telah dicatat dalam pindaan Perlembagaan ini?

Tuan Yang di-Pertua, kita telah melihat dan memahami banyak pindaan-pindaan yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan untuk menentukan atau membawa satu arah yang baik kepada negara dan juga kepada rakyat di negara **ini**. Saya mempercayai tiga sistem yang ada di negara kita iaitu sistem Executive, Legislative dan Judiciary akan dapat kita pertahankan untuk keunggulan sistem kehakiman di negara kita.

Akhir sekali, saya juga ingin mengemukakan kepada Yang Berhormat Menteri, kalau boleh, satu pindaan patutlah dibuat untuk menegakkan lagi kedaulatan sistem keadilan di negara kita bagi menjamin tidak wujudnya perbezaan yang boleh menimbulkan keraguan terhadap pemerintahan di negeri kita. Saya mencadangkan supaya suatu pindaan patut dibuat kepada kaedah metodologi Ketua Eksekutif di negeri-negeri yang ada di Malaysia kerana kita memahami sekarang ini Ketua Eksekutif menggunakan metodologi Menteri Besar dan juga Ketua Menteri. Saya agak sudah sampai masanya, Ketua Eksekutif dikenali dengan satu sahaja iaitu Menteri-menteri Besar dengan kita tidak menggunakan metodologi Ketua-ketua Menteri lagi.

Saya percaya ini akan dapat menghilangkan banyak kekeliruan rakyat dan juga pendatang-pendatang atau pelancong-pelancong yang hadir atau datang ke negeri kita.

Akhir sekali, saya juga sepertimana rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain berdiri bersetuju dan menyokong penuh di atas pindaan Perlembagaan yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Baiklah, kalau tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Rang Undang-undang ini, saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menggulung.

#### **5.11ptg.**

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1994 yang memberikan pandangan, pendapat dan syor-syor tertentu, terutamanya kepada Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain bin Haji Mad Daud, Yang Berhormat Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, Yang Berhormat Puan Kian Sit Har, Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon dan Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya sebagaimana yang saya mengatakan semasa membentang Rang Undang-undang ini, tujuan Kerajaan

membentangkan Rang Undang-undang ini ialah supaya meletakkan sistem pemerintahan negara di satu tahap yang tinggi dan tidak akan membangkitkan apa-apa keraguan, kesangsian ataupun kesamaran di dalam pelaksanaannya. Di dalam sistem pemisahan kuasa, Raja mempunyai tugas dan tanggungjawab dan rakyat melalui Parlimen mempunyai tugas dan tanggungjawab. Di dalam sistem memberikan nasihat, saya kurang faham dengan apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat yang mewakili Semangat 46, iaitu Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud, dia bercakap, lepas itu dia tinggalkan Dewan, dia tak hendak dengar orang bercakap.

Dia mengatakan bahawa ada sistem 'check and balance' di antara Raja dan Parlimen. Ini jelas sekali menunjukkan bahawa dia kurang faham, mungkin - tentang sistem Parlimen itu tidak ada 'check and balance', melainkan sebagaimana yang dikatakan oleh rakyat dan sistem kehakiman yang menentukan bahawa segala tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan bersandarkan kepada kedudukan dan kedaulatan undang-undang. Raja tidak diwujudkan atau ada sistem raja untuk tujuan menjadi pengimbang kuasa. Raja di dalam sistem Parlimen yang mengatakan bahawa Parlimen terkandung di dalam Perlembagaan kita, Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Raja. Raja di situ adalah semata-mata untuk menentukan ia memenuhi simbol Kerajaan yang ditegakkan dan didaulatkan oleh rakyat. Oleh itu, tidak berbangkit soal Raja menjadi pengimbang kepada kuasa sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri tadi berkenaan Federal Court dan Supreme Court. Sebagaimana kita ketahui, pada satu masa mahkamah yang

tertinggi di negara kita adalah Mahkamah Persekutuan, selepas itu kita tukar kepada Mahkamah Agung, dan pada ketika itu sistem perbicaraan rayuan hanya satu sistem setelah Majlis Privy dihapuskan, iaitu daripada Mahkamah Tinggi pergi kepada Mahkamah Agung, dan daripada Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen pergi kepada Mahkamah Tinggi dan seterusnya kepada Mahkamah Agung.

Sistem ini hanya menukar nama untuk mempertunjukkan bahawa sistem Persekutuan yang sedia wujud dan memberikan nama kepada mahkamah yang tertinggi sebagai Mahkamah Persekutuan adalah sejajar dengan kedudukan Persekutuan yang ada pada masa ini dan memberikan sistem 'satu bicara' dan 'dua rayuan', iaitu satu sistem Mahkamah Persekutuan Tertinggi dan keduanya, Mahkamah Rayuan dan sebelumnya Mahkamah Tinggi dan di peringkat mahkamah terendah sekali ialah Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, perkataan "Borneo" ini kita tukar kepada perkataan "Sabah dan Sarawak" oleh kerana itu adalah keadaan sebenar dan untuk Persekutuan "High Court of Malaya" ataupun "Mahkamah Tanah Melayu". Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri kata bahawa "Mahkamah Tanah Melayu" itu di mana "Tanah Melayu" itu tidak wujud, tetapi di dalam Perlembagaan, perkara ini masih lagi kita menerimanya dan tidak ada perkataan yang paling sesuai untuk merangkumkan negeri-negeri di Malaysia Barat dan Malaysia Timur pada satu masa dari segi ilmu alamnya.

Jadi, Sabah dan Sarawak adalah satu rangkum daripada British North Borneo dan Persekutuan Tanah Melayu adalah jajahan ataupun wilayah yang terkandung negeri-negeri Tanah Melayu, termasuk selepas itu Melaka dan Pulau Pinang. Jadi, sebab itu kita menggunakan

"High Court of Malaya" untuk mencerminkan kedudukan negeri-negeri di Tanah Melayu dan di Sabah dan Sarawak masih ada dua. Insya Allah, pada masa akan datang, akan dilihat di dalam konteks secara keseluruhannya sebagaimana yang dicadangkan. Buat masa ini, inilah dianggap sistem yang paling sesuai dan saya berharap bahawa Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri tidak akan menyamakannya dengan parti komunis.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan 'secondment of officers' yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri, buat masa ini tidak mungkin untuk kita menghapuskan sistem State Civil Service. Walau bagaimanapun, kita menghormati pandangan beliau dan telah pun dimulakan kajian untuk diadakan satu sistem Perkhidmatan Awam yang merangkumi keseluruhan negara kita. Buat ketika ini, kajian itu belum pun tamat dan Kerajaan belum dapat membuat keputusan yang muktamad. Tetapi pindaan yang dibawa akan membolehkan keseragaman dan kesepaduan dari segi perkhidmatan dengan membenarkan Kerajaan Negeri ada mendapatkan 'secondment' daripada Kerajaan Persekutuan dan begitu juga Kerajaan Persekutuan boleh meminta 'secondment' daripada pegawai-pegawai Kerajaan Negeri. Dengan ini, ia akan membolehkan integrasi Perkhidmatan Awam yang boleh melicinkan lagi perhubungan di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Berkenaan dengan sistem ini, tadi Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri ada bertanya berkenaan perkataan tertentu. Kalau kita mengatakan bahawa bagi raja, kita tidak mengatakan 'raja mandi', tetapi kita kata 'raja bersiram', kalau 'raja tidur', kita tak kata 'raja tidur'. Jadi, untuk menunjukkan kehalusan bahasa dan budaya

orang-orang Melayu, kita tidak mengatakan 'kita memerintah raja', tetapi sepatutnya dia mesti memahami bahawa nasihat itu adalah nasihat yang terpaksa diikuti mengikut kelembutan dan kehalusan bahasa itu dan budaya orang-orang di rantau ini. Jadi, kalau dia tidak faham, maka tujuan kita ialah supaya kita boleh menghilangkan ketidakfahaman. Dalam menghilangkan ketidakfahaman itu juga, Kerajaan tidak mengambil tindakan di dalam kekosongan, ia adalah berasaskan kepada amalan sejagat bahawa 'advice' itu adalah satu perkara dalam sistem Parliamentary Democracy ataupun Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan adalah satu perkara yang wajib diikuti dan dituruti serta juga ini sejajar dengan apa yang telah dipersetujui melalui Pengisytiharan Raja-Raja.

Di dalam Pengisytiharan Raja-Raja, keseluruhan Raja-Raja, melainkan dua atau tiga orang Raja-Raja, keseluruhannya bersetuju bahawa segala nasihat mengikut lunas-lunas pemerintahan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen akan dipatuhi. Oleh itu, ini tidak mengambil kuasa daripada mana-mana pihak, sama ada pihak Raja ataupun tidak, kita hanya menjelaskan apa yang sememangnya dan sepatutnya menjadi hak untuk Parlimen menentukannya.

Oleh itu, semangat dan amalan sebenar Raja Berperlembagaan telah dapat diterjemahkan di dalam Perlembagaan ini di dalam bahasa yang amat nyata sekali dan terang untuk mengelakkan apa-apa kesangsian dan keraguan semasa mereka mengambil tindakan. Walau bagaimanapun, saya ingin memberikan jaminan sebagaimana terkandung di dalam Perlembagaan kita, tujuan pindaan ini bukan untuk merendahkan kedudukan Raja atau martabat Raja tetapi sebenarnya pindaan Perlembagaan ini bertujuan untuk menentukan kemuliaan sebagai simbol Kerajaan, Raja itu terletak dan tidak mencampuri di dalam hal-hal yang di luar bidangnya atau bersabit dengan politik yang boleh mencemarkan nama baik ataupun darjat dan martabat Raja-raja. Dengan itu adalah tidak benar jika kita mengatakan bahawa pindaan ini memerlukan kepada keizinan Raja-raja oleh kerana ia tidak menjejaskan kedudukan, status, keistimewaan ataupun tempat Raja di dalam sistem Raja Berperlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Salleh tadi ada menyentuh bahawa ini adalah sistem yang memberikan penghormatan kepada kedaulatan rakyat dalam sistem Raja Berperlembagaan, Kerajaan sangat bersetuju dengan apa yang telah diperkatakan tadi. Saya ingin menjawab secara satu persatu pula persoalan-persoalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Pertamanya, berkenaan dengan perbezaan perkataan "after consulting" dan perkataan "advice". Sebagaimana kita ketahui bahawa dalam tiga cabang, iaitu cabang Legislatif, cabang Eksekutif dan cabang Kehakiman; kehakiman itu diletakkan di dalam keadaan di mana ia bebas untuk mentafsirkan supaya apa-apa penyalahgunaan kuasa ataupun silap laku pentadbiran yang bertentangan dengan undang-undang dapat diberikan tafsiran oleh hakim-hakim secara bebas. Sebab itu di dalam Kod Etika ini kita bezakan dengan perkataan 'on the advice' dan 'after consulting' untuk menentukan bahawa tidak ada mana-mana pihak boleh mengatakan bahawa hakim-hakim adalah di bawah telunjuk badan Eksekutif. Hakim-hakim bebas untuk membuat penterjemahannya tetapi Kerajaan yang bertanggungjawab mestilah dirundingi. . Bermakna, kita tidaklah menentukan, mereka yang menentukan dan Yang Di-Pertuan Agong di sini, setelah ditentukan oleh hakim-hakim sendiri maka mereka berunding dengan Perdana Menteri dan seterusnya di'prescribe'kan oleh pihak Raja.

Kesan perkataan 'after consulting' adalah berbeza dengan 'on the advice' seperti yang dinyatakan di bawah pindaan Article 40. Ini kita bertujuan, sebagaimana saya katakan bahawa supaya ia tidak kelihatan. Tadi kita mengatakan, "justice must not only done but it must be seen to be done", dengan izin. Bermakna, keadilan itu tidak seharusnya diperlakukan tetapi ia mestilah diperlihatkan diperlakukan. Jadi, dengan keadaan sedemikian, keyakinan orang ramai terhadap kebebasan badan Kehakiman itu tanpa dipengaruhi oleh pihak pentadbiran dapat diberikan kedudukan yang sebenar. Ini juga adalah sejajar dengan 'doctrine separation of powers' yang kita amalkan.



Kod Etika berkenaan akan dibuat oleh badan Kehakiman itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad tadi bertanya, apakah akan berlaku jika kod etika tidak dipatuhi. Untuk menjawabnya, kod etika akan menggariskan tingkah laku ataupun tata laku hakim-hakim. Sekiranya ada hakim-hakim yang gagal menurut atau mematuhi kod etika, ianya akan merupakan satu alasan untuk mengambil tindakan terhadap hakim berkenaan oleh tribunal. Ianya termasuk untuk memecatkan hakim. Ini terkandung di dalam Article 125 yang bukan sahaja meraberikan alasan untuk tindakan-tindakan diambil ke atas hakim di atas salah laku tetapi juga jika menjalankan sesuatu tugas yang bertentangan dengan kod etika. Dengan itu ia memperluaskan disiplin dan akan membolehkan hakim diambil tindakan disiplin untuk tujuan menentukan bahawa mereka menjalankan tugas mengikut lunas undang-undang dan dengan cara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada segala teguran yang dibuat dan syor-syor yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan biar saya jelaskan di sini bahawa segala tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan pada masa ini bahawa Kerajaan sentiasa mengamalkan sikap 'transparent'. Dan di dalam apa-apa hal pun yang melibatkan dan mungkin nama Kerajaan terjejas, ia tidak menyembunyikan apa-apa perkara tetapi membentangkan kepada Parlimen dan mendedahkan kepada orang ramai. Dengan itu juga rakyat akan menjadi rakyat yang mengetahui kedudukan sebenar terhadap cara dan pengurusan pemerintahan. Dan pemerintahan secara telus ini adalah satu cara yang paling baik untuk meyakinkan rakyat yang selama ini Kerajaan dapat memerintah dan terus memerintah kerana

kita memberikan rakyat sistem pemerintahan yang terbaik dan dapat mengurus dan membangunkan negara bagi faedah dan kepentingan rakyat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang, dan di sini saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa mengikut peruntukan Fasal 3 Perkara 199 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1994 ini memerlukan sokongan kepada bacaan Kali Yang Kedua dengan undi sebanyak tidak kurang daripada 2/3 daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini yang bersetuju untuk meluluskannya. Dengan ini saya mengemukakan masalah itu bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk belah bahagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana telah ada permintaan untuk belah-bahagian, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 45(4), saya minta tidak kurang daripada 8 orang Ahli bangun.

**[Lebih daripada 8 orang Ahli bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya memerintahkan satu belah-bahagian diadakan sekarang. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama satu hingga dua minit.

Loceng dibunyikan.

Dewan berbelahbahagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, penghitung-penghitung undi sila ambil tempat di hadapan Blok masing-masing. Undian dijalankan sekarang.

Pengundian dijalankan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah keputusannya: Ahli-ahli Yang Bersetuju ialah 52 [Tepuk] Yang Tidak Bersetuju: Tidak ada; Yang Tidak Mengundi ialah 2. Lebih 2/3 undi yang bersetuju. Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. [Tepuk]

**YANG BERSETUJU:**

**YANG TIDAK BERSETUJU:**

Tiada

**YANG TIDAK MENGUNDI:**

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa,

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 46** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1994 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan tanpa apa-apa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga sekarang. Dan sekali lagi saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli bahawa mengikut peruntukan Fasal 3 Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1994 ini memerlukan sokongan kepada bacaan kali yang ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada 2/3 dari jumlah bilangan ahli Majlis Dewan ini yang bersetuju untuk meluluskannya. Dengan ini saya mengemukakan masalah itu bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bangun untuk memohon Belah Bahagian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana telah ada permintaan untuk Belah Bahagian, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 45(4) saya minta tidak kurang dari 8 orang Ahli bangun.

**[Lebih daripada 8 orang Ahli bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya memerintahkan supaya satu Belah Bahagian diadakan sekarang. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama satu hingga dua minit.

Loceng dibunyikan.

Dewan berbelahbahagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, penghitung-penghitung undi sila ambil tempat di hadapan Blok masing-masing. Undian dijalankan sekarang.

Pengundian dijalankan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah keputusannya: Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Bersetuju ialah 52; Yang Tidak Bersetuju: Tidak ada; dan Yang Tidak Mengundi 2. **[Tepuk]** Lebih daripada  $\frac{2}{3}$  undi yang bersetuju. Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YANG BERSETUJU:**

**YANG TIDAK BERSETUJU:**

Tiada

**YANG TIDAK MENGUNDI:**

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PILIHANRAYA (PINDAAN) 1994****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.45 ptg.**

**Timbalan Menteri di-Jabatan Perdana Menteri [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Pilihanraya (Pindaan) 1994 dibaca kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang Akta Pilihanraya (Pindaan) 1994 adalah bertujuan untuk membuat satu pindaan yang kecil di dalam Akta Pilihanraya, 1958 iaitu untuk menggantikan perkataan "Timbalan Pegawai Pengurus" kepada "Penolong Pegawai Pengurus" sebagaimana yang terdapat dalam seksyen 4(4)(a), seksyen 4(4)(b) Akta yang berkenaan.

Suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk menggariskan cara mana seseorang Pegawai Pengurus yang bertanggungjawab mengendalikan sesuatu pilihan raya melantik seseorang yang lain untuk menjalankan tugasnya, jika sekiranya beliau tidak dapat menjalankan tugas itu di saat akhir atas sebab-sebab tertentu, seperti keuzuran. Mengikut peruntukan yang ada dalam Akta sekarang, sekiranya timbul keadaan yang sedemikian, Pegawai Pengurus yang berkenaan akan melantik seorang Timbalan Pegawai Pengurus untuk mengambil alih tugas beliau.

Suruhanjaya Pilihanraya berpendapat adalah lebih baik bagi Pegawai Pengurus melantik salah seorang Penolong Pegawai Pengurus yang sedia ada bagi menggantikannya. Ini disebabkan Penolong-penolong Pegawai Pengurus yang dilantik telah pun diberi latihan dan mampu untuk menjalankan tugas sebagai Pegawai Pengurus.

Di samping itu juga, tidak ada jawatan Timbalan Pegawai Pengurus yang diperuntukkan di dalam Akta Pilihanraya 1958.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan dengan pindaan yang kecil **ini**, sesuatu pilihanraya akan dapat dijalankan dengan licin dan lancar, walaupun berlaku keadaan di saat-saat terakhir di mana Pegawai Pengurus yang ada terpaksa menarik diri atas sebab-sebab keuzuran dan proses pilihan raya itu akan diteruskan oleh seorang yang lain yang telah pun dilatih bagi menjalankan tugas tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Nampaknya tiada siapa-siapa yang hendak bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang,

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.



**RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN PILIHANRAYA (PINDAAN) 1994.****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.52 ptg.**

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1994, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1994 yang dibentangkan pada hari ini adalah bertujuan untuk membuat beberapa pindaan kecil kepada Akta Kesalahan Pilihanraya 1954.

Pindaan-pindaan ini tidak sama sekali mengubah isi atau substance, dengan izin, kepada Akta yang berkenaan. Pindaan ini dilakukan semata-mata untuk mempermudah lagi prosedur dalam proses pengundian. Antara pindaan kecil yang dibacakan melibatkan subseksyen 14(1). Pindaan ini hanya bertujuan untuk menyelaraskan perlantikan ejen-ejen yang mewakili calon-calon yang bertanding. Berikutan dengan pengendalian sistem pengiraan undi di tempat mengundi, senarai nama ejen-ejen mengira hendaklah diserahkan kepada Ketua Tempat Mengundi yang juga akan bertindak sebagai Ketua Pengira Undi di tempat mengundi yang berkenaan. Sementara senarai nama ejen-ejen mengira undi pos pula hendaklah diserahkan kepada Pegawai Pengurus yang bertanggungjawab mengira kertas undi pos. Di samping itu kuasa juga diberi kepada Pegawai Pengurus dan Ketua Tempat Mengundi untuk menghadkan bilangan ejen-ejen yang hadir bagi memastikan proses pengiraan undi berjalan dengan aman dan tenteram tanpa sebarang gangguan.

Selain daripada itu, terdapat pindaan kecil, seperti pindaan kepada istilah supaya ianya lebih tepat. Contohnya ialah, yang tepat bagi perkataan 'sanction' iaitu 'sanksi' dan bukan 'saksi', sementara bagi perkataan 'vehicle' pula ialah 'kenderaan' dan bukan 'kereta'.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Pilihanraya, 1954 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Tiada sesiapa yang bangun.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikao Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN) 1994****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.58 ptg.**

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini Dewan yang mulia ini telah membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1994 dan kita telah pun meluluskan Rang Undang-undang tersebut selaras dengan kehendak-kehendak undang-undang negara.

Salah satu tujuan utama dalam Rang Undang-undang tersebut ialah untuk menjelaskan dan membawa pendekatan yang boleh membantu di atas keberkesanan perjalanan Badan Kehakiman selaras dan sesuai dengan perkembangan semasa.

Pindaan-pindaan ini tercetus dengan adanya satu reformasi sistem kehakiman yang difikirkan perlu dan setelah mengambil perhatian maklumat yang diterima dari berbagai pihak, sama ada dari agensi Kerajaan atau organisasi-organisasi dan lain-lain demi memberikan satu perkhidmatan yang baik dan adil bagi mencapai kesaksamaan kepada semua.

Bagi memastikan bahawa segala hasrat dan cita-cita murni Kerajaan dapat berjalan dengan licin dan sempurna maka Rang Undang-undang ini dibentangkan bagi pertimbangan dan kelulusan Dewan yang mulia ini.

Rang Undang-undang ini, bagi meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 antara lain bertujuan:

- (i) untuk mengadakan peruntukan berhubungan dengan Mahkamah Rayuan yang ditubuhkan di bawah peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan;
- (ii) untuk mengadakan peruntukan-peruntukan berhubungan dengan bidang kuasa dan kuasa-kuasa Mahkamah Persekutuan (yang dahulunya dikenali sebagai Mahkamah Agung) berikutan dengan penubuhan Mahkamah Rayuan;
- (iii) untuk menukar sebutan mengenai "Lord President", "Chief Justice" dan "High Court in Borneo".

Peruntukan-peruntukan berhubungan dengan Mahkamah Rayuan - dengan penubuhan Mahkamah Rayuan di bawah Perlembagaan Persekutuan, maka pindaan susulan kena dibuat kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 untuk menetapkan dengan lebih terperinci bagi bidangkuasa Mahkamah Rayuan ini.

Pertama sekali takrif 'Judge' dalam Akta Mahkamah Kehakiman, 1964 telah ditukar supaya sebutan mengenainya termasuk juga sebutan mengenai Hakim Mahkamah Rayuan. Pindaan ini terdapat dalam Fasal 2(d) Rang Undang-undang ini.

Selain daripada itu, satu takrif baru dicadangkan diadakan melalui Fasal 2(f), iaitu bagi "President" yang bermaksud Presiden Mahkamah Rayuan.

Fasal 3(b) Rang Undang-undang ini meminda seksyen 6 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dengan memasukkan subseksyen baru (1A) untuk membolehkan Mahkamah Rayuan menggunakan meterai atau cap yang ditetapkan oleh Presiden Mahkamah Rayuan. Ini adalah selaras dengan peruntukan subseksyen 6(2) yang membolehkan Hakim Besar menetapkan meterai dan cap bagi Mahkamah Tinggi.

Fasal 5(b) pula bertujuan meminda seksyen 8 Akta yang menetapkan susunan keutamaan Hakim-hakim. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, susunan keutamaan Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-hakim Besar adalah sebagaimana yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Selain dari itu, perenggan baru (ca) dicadangkan di masukkan ke dalara seksyen 8 Akta melalui Fasal 5(d). Perenggan baru ini menetapkan susunan utama bagi Hakim-hakim Mahkamah Rayuan sebagai mengikut perlantikan masing-masing dan jika perlantikan di buat pada hari yang sama, mengikut susunan yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 9 Akta dengan memasukkan subseksyen baru (1A) dan (1B) kepadanya. Subseksyen-subseksyen ini menjelaskan siapa yang akan melaksanakan tugas dan menjalankan kuasa apabila Presiden Mahkamah Rayuan atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaysia tidak dapat melaksanakan tugas dan menjalankan kuasa mereka kerana sakit atau tiada di Malaysia. Dalam hal Ketua Hakim Negara pula, ia telah diperuntukkan di bawah subseksyen (1) dan dalam hal Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan di Sarawak pula, diperuntukkan di bawah subseksyen (2) sebagaimana dicadangkan dipinda melalui Rang Undang-undang ini.

Fasal 7 bertujuan memasukkan subseksyen 10(1) baru (yang merupakan subseksyen mengenai perlantikan pegawai-pegawai mahkamah) untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pendaftar, Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Kanan Pendaftar akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Subseksyen 10 (1) baru ini menghapuskan keperluan mendapatkan persetujuan Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar sebelum perlantikan tersebut dibuat.

Dengan penubuhan Mahkamah Rayuan, maka Seksyen 13 Akta juga dicadangkan dipinda dalam Fasal 9 supaya Mahkamah Rayuan juga mempunyai kuasa untuk menghukum apa-apa penghinaan terhadap dirinya.

Rang Undang-undang ini juga melalui Fasal 16 bertujuan menjadikan Bahagian III Akta yang dahulunya terpakai bagi Mahkamah Agung, terpakai bagi Mahkamah Rayuan. Bagi maksud ini, sebutan-

sebutan dalam Bahagian itu mengenai "Supreme Court" dan "Lord President" dicadangkan digantikan masing-masing dengan "Court of Appeal" dan "President". Dengan pindaan **ini**, Bahagian III yang ada sekarang akan terpakai bagi Mahkamah Rayuan. Walau bagaimanapun, seksyen-seksyen yang tidak terpakai bagi Mahkamah Rayuan telah dicadangkan supaya dimansuhkan. Ini telah dibuat melalui Fasal 17 yang menggugurkan seksyen 45, 46, 47, 48 dan 49.

Seterusnya seksyen 50 dicadangkan digantikan dengan seksyen 50 baru melalui Fasal 18. Dengan seksyen 50 baru **ini**, maka Mahkamah Rayuan akan mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan jenayah terhadap keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi:

- (a) dalam perjalanan bidang kuasa asalnya; dan
- (b) dalam perjalanan bidang kuasa rayuannya berkenaan dengan apa-apa perkara jenayah yang telah diputuskan oleh Mahkamah Sesyen.

Selain daripada itu, rayuan jenayah boleh dibuat kepada Mahkamah Rayuan dengan kebenaran mahkamah itu terhadap apa-apa keputusan Mahkamah Tinggi dalam bidang kuasa rayuannya terhadap apa-apa perkara jenayah yang telah diputuskan oleh Mahkamah Majistret tetapi rayuan itu hendaklah terbatas kepada soal-soal undang-undang sahaja.

Peruntukan-peruntukan berhubungan dengan Mahkamah Persekutuan. Dengan penubuhan Mahkamah Rayuan, maka peruntukan-peruntukan

berkenaan dengan mahkamah tertinggi didapati perlu juga dipinda terutamanya setelah Bahagian III Akta dicadangkan dijadikan terpakai bagi Mahkamah Rayuan. Oleh yang demikian, Fasal 20 mencadangkan Bahagian baru IV bagi meliputi Mahkamah Persekutuan. Kebanyakan peruntukan yang terdapat dalam Bahagian baru IV ini berkenaan dengan Mahkamah Persekutuan adalah peruntukan sedia ada yang terkandung dalam Bahagian III. Walau bagaimanapun, ubahsuaian-ubahsuaian telah dibuat dalam beberapa aspek berikutan dengan penubuhan Mahkamah Rayuan.

Perubahan utama ialah mengenai bidang kuasa rayuan Mahkamah Persekutuan dalam rayuan jenayah. Dalam seksyen 87 yang dicadangkan, Mahkamah Persekutuan hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan Mahkamah Rayuan dalam bidang kuasa rayuannya berkenaan dengan apa-apa perkara jenayah yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi dalam bidang kuasa asalnya.

Perubahan penting yang lain adalah mengenai bidang kuasa rayuan Mahkamah Persekutuan berkenaan dengan rayuan sivil. Dalam seksyen 96 baru yang dicadangkan, Mahkamah Persekutuan akan mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan daripada Mahkamah Rayuan terhadap apa-apa hukuman atau perintah muktamad:

- (i) jika perkara yang dipertikaikan itu berjumlah kepada atau bernilai RM250,000 atau lebih; atau



- (ii) jika rayuan itu melibatkan tuntutan berkenaan dengan harta atau hak sivil lain daripada amaun atau nilai yang sama dan terhadap apa-apa keputusan tentang kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan.

Selain daripada itu, peruntukan-peruntukan baru lain juga dicadangkan mengenai Mahkamah Persekutuan khususnya mengenai kebenaran untuk merayu di bawah seksyen baru 97 dan prosedur untuk menguatkuasakan perintah Mahkamah Persekutuan di bawah seksyen baru 98.

Selain daripada perkara-perkara yang telah disebutkan sebelum ini, pindaan-pindaan telah juga dicadangkan dalam pelbagai seksyen untuk menukar sebutan mengenai "Lord President" kepada "Chief Justice"; "Chief Justice" kepada "Chief Judge"; dan "High Court in Borneo" kepada "High Court in Sabah and Sarawak"; sebagaimana yang telah dicadangkan dibuat dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan.

Pindaan lain yang ingin dijelaskan di sini ialah pindaan yang terdapat dalam Fasal 19. Fasal ini bertujuan meminda seksyen 68 iaitu seksyen yang terpakai bagi Mahkamah Rayuan supaya tiada rayuan dibawa ke hadapan Mahkamah Rayuan jika amaun atau nilai hal perkara tuntutan itu, tidak termasuk faedah, kurang daripada RM250,000.

Akhir sekali pindaan juga dicadangkan kepada keanggotaan Jawatankuasa Kaedah-keadah melalui Fasal 2. Dengan pindaan yang dicadangkan, jawatankuasa ini akan dianggotai juga oleh Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi di Malaysia, Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak yang dilantik oleh Ketua Hakim Negara, Hakim Kanan Mahkamah Sesyen, tiga orang Peguambela dan Ketua Setiausaha Kementerian Undang-undang atau penamanya. Pindaan lain yang tidak disentuh di sini adalah pindaan kecil atau berbangkit sahaja.

Dengan ini saya memohon, Tuan Yang di-Pertua, mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1964 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.

**6.12 ptg.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1994. Cuma saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian berkenaan dengan satu perkara iaitu dalam Rang Undang-undang berbahasa Inggeris di muka surat 13, Perkara 89:-

"Appeal not to operate as a stay of execution".

Saya ingin bertanya mengapakah diadakan satu peruntukan di sini di mana "appeal" itu tidak berfungsi sebagai "as a stay of execution". Saya percaya dari segi keadilan, apabila sesebuah

mahkamah bersetuju iaitu bahawa kebenaran untuk rayuan itu dibenarkan terhadap sesuatu keputusan, ini bermakna mahkamah bersetuju kemungkinan ada sesuatu yang relevant di mana kes itu terpaksa dikaji semula tentang kebetulannya sesuatu keputusan itu dibuat.

Jadi, bermakna iaitu bahawa kalau rayuan ini dibenar maka segala execution terhadap keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah di bawah haruslah sepatutnya secara automatik menjadi "stay of execution" sebab bila kita bersetuju untuk ada "appeal" bermakna ada kesangsian terhadap sesuatu kes yang dibawa kepada Mahkamah Rayuan. Jadi, kalau dengan izin, "appeal not to operate as a stay of execution," bermakna kes itu sedang berjalan, rayuan sedang dibuat tetapi "execution" keputusan mahkamah di bawah itu diteruskan. Bermakna sebagai contoh kalau saya dikenakan suatu hukuman sivil, di mana saya terpaksa menyerah kembali sesuatu ataupun dikenakan bayar denda, dalam penerimaan Mahkamah Tinggi untuk menerima rayuan saya, saya kena.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tunggu sebentar.

#### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN

#### DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

#### 6.15 ptg.

**Sctiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Peugguna [Dr. Sak Cheng Lum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1994.

**Tuan Abdul Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul sebagaimana yang dikemukakan itu tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1994.

#### RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN) 1994

#### **Perbahasan disambung semula**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila sambung Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, pada pandangan saya iaitu kalau mahkamah mengizinkan rayuan terhadap sesuatu keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah dibawah, ia seharusnya secara automatik menjadi "stay of execution" kerana selagi rayuan itu diterima, selagi itu keputusan muktamad terhadap kes itu tidak dapat ditentukan. Jadi, tidaklah adil kalau sekiranya tidak dijadikan sebagai "stay of execution", maka pelaksanaan the execution on any judgment, order, conviction or sentence diteruskan walaupun kes sedang berjalan untuk rayuan. Jadi, mungkin ada sesuatu yang Kementerian mempunyai alasan terhadap perkara ini, tetapi kalau mengikut pandangan biasa iaitu selagi keputusan muktamad daripada peringkat mahkamah yang paling tinggi sekali tidak didapati, maka selagi itulah ia harus merupakan sebagai "stay of execution". Itu adil. Kalau tidak apa akan berlaku kalau, dengan izin, there is no stay of execution. Sekali Mahkamah Rayuan buat keputusan terbalik, mengatakan bahawa rayuan itu diterima. Macam mana selepas itu?

Jadi, sebab itu saya merasa prinsip rayuan **ini**, all appeals apabila Mahkamah Rayuan mengatakan bahawa diizinkan rayuan itu dibuat maka, dengan izin, this must act as a stay of execution of all decisions from the Lower Court. Jadi, saya minta kepada Kementerian untuk menjelaskan apakah alasan yang menyebabkan iaitu bahawa "appeal not operate as a stay of execution", walhal kita merasakan selagi ada ruang untuk kita merayu dan diterima rayuan kita, selagi itu segala execution terhadap keputusan terhadap diri orang yang merayu itu tidak sepatutnya dilaksanakan. Itu sahaja pertanyaan saya dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta pihak Kementerian menjawab.

**6.18 ptg.**

**Dato' Wong See Wah:** Saya ucapkan terima kasihlah. Pandangan ini akan diambil kira.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.22 petang.**

